

**Bil. 40**

**Isnin  
4 Ogos 1997**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

# KANDUNGAN

## **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DIBAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

Indeks Tanggapan Rasuah Transparency International  
- *Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)*

(Ruangan 1)

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Ruangan 3)

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun  
Dan Tempatan

(Ruangan 3)

Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan) 1997

(Ruangan 35)

Julai 1997.

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liang Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- Yang Berhormat      Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “                      Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “                      Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “                      Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “                      Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “                      Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “                      Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “                      Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “                      Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “                      Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “                      Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “                      Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “                      Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “                      Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “                      Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “                      Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “                      Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “                      Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “                      Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “                      Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “                      Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “                      Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “                      Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “                      Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “                      Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “                      Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

|                |  |
|----------------|--|
| Yang Berhormat | Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)  |
| “              | Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)   |
| “              | Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)  |
| “              | Tuan Lim Hock Seng (Bagan)   |
| “              | Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)   |
| “              | Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)                                      |
| “              | Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)                                     |
| “              | Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)  |
| “              | Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)  |
| “              | Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)           |
| “              | Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)   |
| “              | Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)                                 |
| “              | Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)   |
| “              | Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)   |
| “              | Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)   |
| “              | Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasar Puteh)                                    |
| “              | Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)                                  |
| “              | Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)                               |
| “              | Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut) |
| “              | Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)   |
| “              | Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)    |
| “              | Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)                     |
| “              | Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)   |
| “              | Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)   |
| “              | Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)  |
| “              | Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Telok Intan)                                   |
| “              | Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)                           |

---

|                |  |
|----------------|--|
| Yang Berhormat | Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)   |
| “              | Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)   |
| “              | Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)   |
| “              | Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai) |
| “              | Tuan Radin Malleh (Tenom)  |
| “              | Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)   |
| “              | Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)   |
| “              | Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)   |
| “              | Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)  |
| “              | Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)  |
| “              | Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)   |
| “              | Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)                          |
| “              | Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)   |
| “              | Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)   |
| “              | Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)   |
| “              | Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)  |
| “              | Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)  |
| “              | Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)   |
| “              | Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)                                      |
| “              | Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)  |
| “              | Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)   |
| “              | Tuan Tan Kok Wai (Cheras)  |
| “              | Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)   |
| “              | Dr. Tan Yee Kew (Kelang)   |
| “              | Tuan Tiong Thai King (Lanang)  |
| “              | Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)   |

- Yang Berhormat      Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “                      Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “                      Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “                      Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “                      Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “                      Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “                      Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “                      Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “                      Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “                      Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “                      Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “                      Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “                      Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “                      Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,  
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.  
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
Puan Nor Hayatee binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA  
DEWANRAKYAT  
Isnin, 4 Ogos 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

**USUL**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI  
BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**Indeks Tanggapan Rasuah Transparency  
International**

**2.30 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk kemukakan Usul yang berikut:

Bahawa Dewan ini membenarkan Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk menangguhkan Dewan dan membincangkan suatu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai kejatuhan Malaysia dari tangga 26 ke tangga 32 atas Indeks Tanggapan Rasuah yang diumumkan oleh Transparency International 1997 baru-baru ini atas sebab-sebab berikut.

Pertama, kejatuhan tangga Malaysia dari 23 pada tahun 1995 ke tangga 26 pada tahun 1996 dan kini pula jatuh ke tangga 32 atas Indeks Tanggapan Rasuah yang diumumkan oleh Transparency International dengan skor dari 5.32 pada tahun lepas ke skor 5.01 dengan skor 10 sebagai negara yang bebas dari rasuah secara total seharusnya dipandang secara mustahak di Parlimen sebagai satu penghinaan nasional terhadap reputasi Malaysia khususnya ketika masa kerajaan mengumumkan usaha memerangi rasuah dengan sedaya upaya. Transparency International menjelaskan bahawa Indeks Tanggapan Rasuah 1997 adalah indeks yang terbaru di samping telus atas soal rasuah.

Penggunaan datanya cuma dari tahun 1996 ke tahun 1997 angkanya adalah lebih tepat berbanding dengan tahun dahulu, manakala Indeks Tanggapan Rasuah telah pun timbul beberapa tahun.

Penyelidikan atas Indeks Tanggapan Rasuah diamalkan oleh Gallup International, the World Competitiveness Yearbook dengan bantuan dari Political and Economic Risk Consultancy di Hong Kong, DRI/Graw Hill Global Risk Service, Political Risk Services di Syracuse, USA serta data diperolehi dari sumber Internet secara langsung oleh Doktor Johann Graf Lambsdorff, seorang pakar ekonomi di Universiti Göttingen, Germany yang menyenggarakan Indeks Tanggapan Rasuah bagi Transparency International.

Kedua, Malaysia harus secara khususnya memberi perhatian bukan sahaja ia tidak sanggup menurut jejak tangga di belakang sepuluh negara yang terbersih yakni:-

- (i) Denmark dengan memperoleh skor 9.94;
- (ii) Finland - 9.48;
- (iii) Sweden - 9.35;
- (iv) New Zealand - 9.23;
- (v) Kanada - 9.10;
- (vi) Netherlands - 9.03;
- (vii) Norway - 8.92;
- (viii) Australia - 8.86;
- (ix) Singapura - 8.66; dan
- (x) Luxembourg - 8.61

Bahkan juga tertinggal di belakang negara-negara seperti Spain, Greece, Hungary dan Italy dalam Indeks Tanggapan Rasuah Transparency International tambahan pula dengan menduduki di tangga yang keempat di rantau Asia pada tahun 1996 iaitu di belakang Singapura, Jepun dan Hong Kong, Malaysia kini terjatuh ke tangga yang kelima didahului oleh Taiwan.

Ketiga, Badan Pencegah Rasuah sepatutnya diminta menubuhkan satu unit khusus untuk mengkaji Indeks Tanggapan Rasuah Transparency International yang seharusnya diterima sebagai suatu pengukuran bagi Malaysia dalam usaha memerangi rasuah dengan tanggungjawab yang khusus untuk menjamin bahawa Malaysia membaiki kedudukan Indeks Tanggapan Rasuah Transparency International pada masa depan.

Keempat, kejatuhan Malaysia dalam Indeks Tanggapan Rasuah Transparency International, sememangnya merupakan satu peringatan yang manfaat kepada Parlimen dan seluruh rakyat Malaysia bahawa usaha memerangi rasuah dengan

sedaya upaya yang dilangsung dua bulan yang lalu, cuma merupakan langkah yang pertama dalam perjalanan 1,000 batu.

Selain itu, Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang diluluskan di Dewan Rakyat pada hari Khamis bukanlah penamatan atas usaha memerangi rasuah, tetapi sebaliknya merupakan permulaan sahaja.

Kelima, Parlimen sepatutnya mengadakan satu perbahasan khusus ke atas Indeks Tanggapan Rasuah Transparency International 1997 lantaran kejatuhan tangga Malaysia dalam tiga tahun berturut-turut dan memandangkan ia sebagai satu cabaran terhadap kerajaan dan negara demi memulai satu usaha memerangi rasuah dengan sedaya upaya yang serius supaya menjadikan Malaysia salah sebuah negara yang terbersih dalam sepuluh buah negara di antarabangsa dengan tujuan serta-merta supaya mencapai satu status sebagai salah sebuah negara yang terbersih dalam 20 buah negara di dunia pada tahun 1998 atau 1999 dalam Indeks Tanggapan Rasuah Transparency International serta mempertimbangkan dalam keadaan yang menyeluruh terhadap aspek-aspek yang penting mengenai rasuah seperti berikut:-

- (i) Graviti masalah apa yang boleh disifatkan sebagai "grand" corruption yang melibatkan mereka yang memegang jawatan yang tinggi sama dalam politik atau perkhidmatan awam di mana ikan yu cuma dapat ditangkap di perairan antarabangsa tetapi bukan di perairan tempatan;
- (ii) Keazaman politik yang paling kritikal atas pemimpin-pemimpin yang tinggi untuk memerangi rasuah di mana-mana sahaja ia berlaku dan kerelaan mereka diperiksa oleh masyarakat umum;
- (ii) Punca-punca yang asas loophole dari undang-undang serta insentif-insentif yang mengakibatkan rasuah di mana-mana peringkat;
- (iv) Bagaimana dapat menjamin Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang baharu boleh menjadi satu bahagian yang terutama dalam usaha memerangi rasuah dengan sedaya upaya dan tidak mendatangkan kesan-kesan buruk dengan menakutkan rakyat jelata supaya tampil ke depan untuk bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah demi memerangi rasuah;

- (v) Bagaimana ingin memperkuatkan sistem ketelusan negara dengan mewujudkan satu perkongsian antara kerajaan, parti-parti politik, sektor swasta, media massa, profesional, agama dan badan-badan bukan kerajaan demi memupuk satu budaya baru mengenai integriti dengan toleransi sifar atas rasuah;
- (vi) Memeriksa undang-undang yang seharusnya dikaji serta dipinda kerana ia merintang dan menghalang akauntabiliti dan ketelusan ialah antitesis bagi rasuah seperti Akta Rahsia Rasmi, Akta Percetakan dan Penerbitan, Akta Keselamatan Dalam Negeri di samping keperluan ada satu akta kebebasan maklumat; dan

Keenam, Parlimen seharusnya memainkan peranan sebagai pelopor dalam usaha memerangi rasuah dengan sedaya upaya bukan sahaja dalam meluluskan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah sahaja, malahan juga memimpin suatu usaha negara yang merangkumi keseluruhan masyarakat madani supaya mengisytiharkan rasuah sebagai musuh awam yang pertama di dalam negara yakni lebih serius daripada ancaman dadah yang akan menjadikan sumbangan Parlimen terhadap usaha nasional berterusan bagi memperbaiki kedudukan tangga Malaysia atas Indeks Tanggapan Rasuah Transparency International. Sekian, terima kasih.  
[Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Tanjong pada 2 Ogos 1997 jam 8.57 pagi.

Teks Usul itu adalah seperti yang telah dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendak berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) perkara itu adalah perkara yang tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa Indeks tanggapan rasuah-rasuah yang diumumkan oleh Transparency International itu hanya adalah seperti katanya sendiri adalah suatu tanggapan. Tahun 1995 indeks itu ke tangga 26

dan tahun 1996 ke tangga 32 pula. Ini bermakna perkara ini bukannya perkara yang tertentu. Yang keduanya, ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Di samping itu perkara ini bukanlah boleh dikatakan suatu perkara yang perlu disegerakan.

Dewan telah membahaskan dengan panjang lebar atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah selama empat hari pada minggu lepas. Pelbagai cadangan dan pandangan telah pun disuarakan.

Ini kerana hendak mencari ikhtiar supaya jenayah rasuah dapat dibendung dan keadaan akan menjadi bertambah baik. Oleh yang demikian, ianya tidak perlu dibahaskan lagi di atas perkara yang sama. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini. [Tepuk]

#### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 1997**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA (PINDAAN) 1997**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bernama 1967; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

#### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK- PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 1997**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini untuk atas satu penjelasan. Tentang Rang Undang-undang Money Lenders dan juga Rang Undang-undang mengenai pindaan akta Bank Negara, saya perhatikan sudah tidak disenaraikan dalam Aturan Mesyuarat. Bolehkah saya dapat sedikit penjelasan sama ada ia akan dibahaskan dalam sesi ini atau sesi akan datang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Akan datang - dalam Mesyuarat yang akan datang.

**Tuan Lim Guan Eng:** So, ia sudah ditarik baliklah - untuk sesi akan datanglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukan ditarik balik, Yang Berhormat.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Bukankah di dalam Dewan ini saya telah diberitahu bahawa Timbalan Menteri berkenaan mengatakan bahawa rang undang-undang tersebut akan dibawa dalam sesi yang akan datang?

**Tuan Lim Guan Eng:** Kedua-dua rang undang-undang ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kedua-dua.

**Tuan Lim Guan Eng:** Baik, terima kasih.

2.47 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1997 dibaca kali kedua sekarang.

Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 atau Akta 239 ialah undang-undang yang mentadbirkan urusan persaraan bagi pekerja-pekerja badan berkanun dan kuasa tempatan. Akta ini telah berkuatkuasa mulai

1 Januari 1976. Rang Undang-undang Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1997 yang dicadangkan ini bertujuan memasukkan tiga seksyen baru ke dalam Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 bagi membolehkan opsyen diberi kepada pekerja bertaraf berpencen di pihak berkuasa berkanun atau tempatan untuk memilih sama ada kekal dalam skim pencen yang sedia ada atau bertukar ke Skim Pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Sekiranya pekerja itu memilih Skim Pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, taraf pencennya tidak berubah tetapi beliau dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mulai tarikh kuatkuasa opsyennya itu sehingga beliau bersara daripada pihak berkuasa berkanun atau tempatan yang berkenaan.

Faedah persaraan iaitu ganjaran dan pencen pekerja itu akan hanya dibayar apabila beliau bersara daripada pihak berkuasa berkanun atau tempatan itu. Faedah persaraan tersebut dikira berlandaskan tempoh perkhidmatan sebelum tarikh kuatkuasa opsyen dan gaji terakhir pekerja sebelum tarikh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, opsyen yang akan dilaksanakan melalui pindaan akta ini ditawarkan kepada pekerja-pekerja pihak berkuasa berkanun dan tempatan tertentu yang mana skim persaraan pekerjaannya telah diasingkan daripada Sistem Saraan Baru yang terpakai bagi anggota sektor awam umumnya.

Dengan pindaan akta ini pekerja-pekerja yang memilih Skim Saraan yang diasingkan itu boleh mengekalkan hak faedah persaraan yang telah diperolehinya sebelum tarikh kuatkuasa pilihan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bagan.

2.50 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang seperti yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tempatan adalah satu kerajaan yang menjaga masalah harian satu-satu kawasan. Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri, kebanyakan masa mereka telah dibuang kerana hendak menghubungi kerajaan tempatan untuk menyelesaikan aduan-aduan orang kawasan. Oleh kerana ada banyak masalah dan ketidakpuasan hati mengenai masalah tempatan, maka wakil rakyat dan ADUN disalahfaham sebagai tidak menjalankan tugas mereka.

Tempoh hari, Pengerusi Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong pernah 'menggeramkan' bahawa wakil rakyat adalah seperti petition writer, dengan izin, dan kurang masa untuk membaca dan meneliti masalah-masalah perundangan. Ini.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dia salah tafsir saya. Saya sebenarnya memanjangkan pertanyaan sama ada kita ini petition writer ataupun decision makers atau policy makers, bukan saya mengatakan kita ini petition writers. Salah sedikit DAP, minta perbetulkan. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ertinya lebih kurang samalah. [Ketawa] Petition writer, social worker.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Saya sebenarnya membawa satu persoalan, bukannya satu statement, dengan izin. Saya membawa persoalan adakah kita petition writers ataupun kita ini penggubal undang-undang? Persoalan dengan kenyataan berbeza, Yang Berhormat. Jadi, jangan kata maksudnya lebih kurang, kita tidak ada lebih kurang dalam hal ini. Mesti tepat cakap itu. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul kata-kata Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa kami adalah penggubal undang-undang tetapi rakyat sering mencari kami kerana ada masalah-masalah tempatan. Ini adalah satu teladan atau precedent set oleh para wakil rakyat sejak dari proses demokrasi iaitu Parlimen dan Dewan Undangan Negeri ditubuhkan sejak merdeka lagi. Pada masa sekarang wakil rakyat dan ADUN khasnya dari Barisan Nasional, masih lagi hendak memperdayakan perkataan 'perkhidmatan'. Perkhidmatan mereka bermakna tengok longkang yang tersumbat, sampah sarap, jalan rosak, banjir

dan sebagainya yang ada di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai kerajaan tempatan nampaknya suka layan dan takut kepada para wakil rakyat. Wakil rakyat Barisan Nasional apabila mereka melawat ke kawasan, di belakang mereka ada banyak pegawai kerajaan tempatan dan juga tidak akan lupa kepada para wartawan dari surat-surat khabar. Kami, dari pihak pembangkang, sekiranya hendak melawat ke tempat kawasan apabila menjemput pegawai kerajaan bersama, mereka segan silu, apa sebabnya saya tidak tahu.

Ini memberi satu gambaran bahawa mereka hanya bekerja untuk wakil rakyat Barisan Nasional dan bukan untuk pembangkang ataupun untuk rakyat. Ini memang perkara biasa dan kami pun tidak ada apa-apa harapan terhadap mereka untuk pergi bersama dan ada juga pegawai-pegawai kerajaan yang prihatin kepada masalah-masalah yang dibangkitkan oleh pembangkang kerana ini adalah masalah rakyat dan bukan masalah pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kami ada masalah tempatan, walaupun pegawai kerajaan tidak pergi bersama dan selepas kami meninjau, balik ke pejabat kami menalipon mereka dan mereka akan bertindak dengan sewajarnya. Ini saya ucapkan terima kasih kepada mereka walaupun mereka tidak pergi bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sampailah masa sekarang untuk kerajaan atau Parlimen membuat satu keterangan atau pengisytiharan menggariskan tanggungjawab wakil rakyat dan ADUN supaya rakyat lebih memahami tanggungjawab masing-masing. Saya tidak bermaksud bahawa kami tidak perlu menjaga masalah harian yang diadukan oleh rakyat tetapi kami perlulah bertindak supaya tidak mengheboh-hebohkan perkara harian yang perlu ditangani oleh kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dasar-dasar atau polisi-polisi kerajaan tempatan patut diberi perhatian juga. Pada masa sekarang pekerja am dari kerajaan tempatan, mereka hanya menerima gaji bulanan RM465 satu bulan. Cuba ingat RM465 untuk satu bulan, macam mana hendak mencukupi untuk perbelanjaan satu keluarga, maka mereka perlu bekerja dari pukul 7.00 hingga pukul 3.00 dan lepas itu pergi cari kerja-kerja sampingan.

**Seorang Ahli:** Bukan makan suap?

**Tuan Lim Hock Seng:** Itu mungkin ada sedikit-sedikit tetapi kalau seorang pekerja am yang begitu rendah, mereka hanya sapu jalan, cuci longkang,

saya ingat peluang untuk mereka cari kerja yang mempunyai keuntungan yang lebih itu pun bukan senang. Dan pada masa mereka bertugas, mereka akan bandingkan keadaan mereka dengan pekerja-pekerja di lain-lain bidang dan ini telah menimbulkan satu perasaan bahawa mereka ini telah dihina dan dipandang sebagai golongan yang berpendapatan paling rendah sekali. Dan sebab itulah untuk memberi semangat dan perkhidmatan kepada pekerja-pekerja ini, saya bercadang jikalau skim gaji mereka boleh ditambah mengikut pekerjaan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membangkitkan iaitu kerana kebanyakan kerja-kerja kerajaan tempatan telah diswastakan, maka timbullah banyak pertanyaan seperti perkhidmatan pembetongan najis telah diswastakan kepada IWK. Saya ingin bertanya apa terjadi kepada harta benda - aset-aset alih seperti kereta pam, kereta cuci dan mesin-mesin atau alat-alat yang dipakai pada masa dahulu dan juga aset tidak alih seperti kolam najis, tanah, rumah pam dan lain-lain yang dahulunya semua ini dimiliki oleh kerajaan tempatan. Untuk memudahkan jawapan kementerian, saya kalau dapat jawapan khas bagi kedua-dua kerajaan tempatan iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, itu adalah satu jawapan yang saya boleh cukup puas hati.

Masalah-masalah lain di tempat-tempat yang lain, tertaklukkan kepada Ahli Yang Berhormat dari kawasan-kawasan yang lain untuk membuat pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya apa terjadi kepada liabiliti seperti pinjaman dari Kerajaan Pusat kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Jikalau saya tidak silap, mungkin MPSP pada satu masa ada pinjam satu belanja yang agak besar iaitu lebih kurang RM150 juta untuk menjalankan sistem pembetungan pusat di seluruh Seberang Perai. Sama ada RM150 juta ini ditanggung oleh syarikat penswastaaan iaitu IWK atau masih ditanggung oleh kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga ura-ura bahawa syarikat penswastaaan selepas memiliki tanah atau harta kerajaan tempatan, mereka mungkin akan memohon kebenaran untuk tukar tujuan kegunaan tapak tersebut, seperti ada satu 'oxidation pond' yang agak besar keluasannya di satu tempat yang agak mahal, iaitu strategi, Chain Ferry dan ada ura-ura bahawa kolam ini akan ditutup, ditambun dengan tanah dan dijadikan satu kawasan perumahan atau kawasan kedai. Itu ada ura-ura.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu penjelasan bahawa kawasan ini atau di lain-lain tempat, iaitu tanah, harta yang dimiliki oleh kerajaan tempatan dahulu, sekarang dimiliki oleh syarikat swasta, mungkinkah mereka menggunakan tempat-tempat seperti ini untuk mencari keuntungan yang lebih.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau tidak silap saya, apa yang dibangkitkan itu adalah di dalam bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan bukannya di Jabatan Perdana Menteri. Jadi, macam mana Yang Berhormat hendak dapatkan jawapan dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, itu satu soalan yang timbul.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, saya tahu, tetapi yang itu pun ada bezanya dari segi bidang tugas dan bidang kuasa.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, soalan ini selalu timbul dalam fikiran saya. Jikalau kementerian berkenaan boleh menjawab, silalah menjawab. Kalau beliau tidak boleh menjawab, biarlah kementerian yang lain menjawabnya. Bukan semestinya semua persoalan perlu dijawab.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi Yang Berhormat diingatkan bahawa rang undang-undang ini dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan bukannya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan emolument, dengan gaji kakitangan-kakitangan kerajaan tempatan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Emolument, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, emolument, gaji dan lain-lain kemudahan kepada pekerja-pekerja atau employees kerajaan tempatan dan ini adalah di bawah bidang kerja pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai di kerajaan tempatan ini. Sebab itulah saya bangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa satu perkara dari kerajaan tempatan di kawasan saya, iaitu satu bangunan yang telah siap dibina tetapi tidak boleh dapat sijil kelayakan (OC). Bangunan ini telah siap dibina selama 7 tahun. Ada pertikaian antara pemaju dengan kerajaan tempatan, iaitu MPSP kerana selepas siap bina bangunan ini, mereka

memohon OC. Kerajaan tempatan berkata, mereka tidak menunaikan syarat-syarat dan ini telah dibawa ke mahkamah. Selepas Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang, kemudian pergi lagi ke Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang, selepas itu mereka sedang dalam kajian satu Court of Appeal. Apa perkara berkenaan dengan court procedure ini, saya tidak mempertikaikan, tetapi apa yang saya hendak merayu ialah penduduk-penduduk atau pembeli-pembeli rumah ini telah dinafikan hak-hak mereka untuk menduduki bangunan ini sebab kebanyakan mereka adalah pekerja-pekerja awam. Pada masa itu mereka beli rumah itu hanya untuk RM37,000. Mereka tidak dapat duduk dalam rumah pangsa ini dan mereka perlu menyewa rumah-rumah di tempat-tempat yang lain.

Persoalan saya ialah mengapa kerajaan tempatan boleh memberi sijil kelayakan sementara (temporary OC) kepada projek-projek yang lain walaupun mereka tidak menyempurnakan syarat-syarat. Kepada projek yang khas ini, mereka tidak dapat melayan. Jadi, pembeli-pembeli selalu mencari kami untuk membantu mereka dalam hal ini. Banyak pemimpin kerajaan, khususnya dari tempatan dan negeri, pernah memberi jaminan bahawa mereka akan mendapatkan temporary OC untuk menduduki rumah pangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan perkara atau hal ini mungkin akan berlanjutan lagi dua tahun atau tiga tahun, tidak ada orang boleh tentukan. Orang-orang yang membeli rumah pangsa ini adalah tertindas. Oleh sebab itu, saya berharaplah sesiapa yang bertanggungjawab boleh ambil tahu perkara ini. Saya pernah juga menulis kepada Bahagian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mencampur tangan, tetapi sehingga sekarang tidak ada apa-apa hasil.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa satu perkara iaitu ada satu projek pembinaan diluluskan oleh MPSP di kawasan saya dan projek rumah pangsa yang akan dibina di tepi sekolah ini hanya 10 kaki dari sempadan sekolah, iaitu berdekatan dengan bilik darjah. Antara bilik darjah dengan rumah pangsa hanya ada 20 kaki, iaitu sekolah akan mengelak 10 kaki dan rumah pangsa akan mengelak dari sempadan 10 kaki dan ruangnya hanya ada 20 kaki dan kerajaan tempatan telah memberi kelulusan. Selepas penduduk dan ibu bapa murid-murid sekolah ini, iaitu di Sekolah Kwang Hua, Jalan Raja Uda, Lot 758, Seksyen 2, mendapat tahu bahawa satu projek rumah pangsa akan dibina di sana dan mereka membantah kerana mereka takut dengan wujudnya rumah pangsa ini, suasana

pelajaran dan suasana tempat itu akan jadi kecoh dan heboh dan murid-murid tidak akan menumpu perhatian untuk belajar. Ini juga saya minta kementerian berkenaan boleh ambil perhatian supaya perkara ini boleh diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu perdebatan antara Barisan Nasional dengan pembangkang bahawa jikalau rakyat memilih pembangkang, kerajaan atau kerajaan tempatan atau pasukan penguatkuasa akan menindas atau akan datang untuk menangkap penjaja-penjaja, pekedai-pekedai dan lain-lain jikalau mereka memilih pembangkang. Sebab itulah pada tahun 1995, iaitu pilihan raya umum yang lepas, ramai juga diperdaya dan ditipu oleh taktik ini dan mereka mengundi Barisan Nasional.....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Kalau mahu penjelasan, saya boleh beri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada maklumat di sini.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupar dan Menteri bangun.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Walaupun kita seronok mendengar cerita dia yang tidak cukup bukti, di bawah Peraturan Mesyuarat 36(1), ucapan Yang Berhormat itu tiada kena-mengena dengan tajuk yang dibahas oleh Dewan ini sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat, saya akan buat satu keputusan bersabit dengan Peraturan Mesyuarat 36(1). Yang Berhormat, saya telah pun memberi teguran tadi, nampaknya isi kandungan perbincangan Yang Berhormat itu agak terpesong daripada rang undang-undang.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya bidas tadi ini adalah satu akta untuk pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan. Jikalau tidak boleh sentuh.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya tahu apa Yang Berhormat hendak cakap itu, itu pun tadi Yang Berhormat sudah cakap. Walaupun rang undang-undang ini bersabit dengan staf ataupun pihak-pihak

berkuasa berkanun dan tempatan, tetapi ini tidak bermakna bahawa Yang Berhormat boleh bangkitkan semua hal ehwal yang bersabit dengannya, termasuk juga rungutan terhadap mereka dan sebagainya, sebab memang ada bezanya dari segi bidang tugas dan bidang kuasa. Saya sudah cakap tadi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. Ini emolumen dan juga gaji kepada pekerja-pekerja pihak berkuasa tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Itulah Yang Berhormat. Bukankah elok Yang Berhormat sentuh sahaja kepada apa yang disebutkan tadi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Oh, jikalau macam ini, kalau saya berdiri di tempat sini, saya sokong bahawa rang undang-undang ini diluluskan supaya ia membawa manfaat dan faedah kepada pekerja-pekerja pihak berkuasa tempatan, duduk, semua orang berkata demikian, tidak payahlah berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak juga, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, kita hanya ada dua rang undang-undang untuk dibahas hari ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat, jangan salah tafsir. Saya memang tidak berniat hendak mempertikaikan ataupun hendak menghalang Yang Berhormat daripada berucap, tidak, tetapi eloklah menyentuh kepada apa yang wajar.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau dengan ruling sedemikian, maka tiadalah apa-apa untuk dibahaskan.....*[Disampuk]* Betul, kalau diberi peluang kedua, saya rela duduk sementara dan saya akan mendengar apa-apa hujah yang diberi oleh Barisan Nasional dari sebelah sana.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Yang Berhormat tidak ada hendak bercakap lagi, saya tunjuk kepada Yang Berhormat, banyak lagi boleh dicakap di bawah undang-undang ini. Sudah habis cakap, kalau beri peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak minta penjelasankah atau hendak beri nasihat?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Itulah penjelasan. Saya hendak minta penjelasan, sebab dia kata tidak ada benda yang hendak dibahaskan lagi. Jadi, saya hendak memberi penjelasan serta minta penjelasan yang undang-undang ini boleh kita bincang dengan panjang lebar, dengan tidak payah bercerita, kalau hendak pergi Sarawak janganlah pergi ke Lautan Pasifik, pergilah ke Laut China Selatan cukup. Ini terbang sana-sini, habis cerita, lepas itu undang-undang sini sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, nanti saya akan menyaksikan persembahan [*Ketawa*] dari lawyer yang dikatakan pakar ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya tidak nampak ada persembahan dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Memang dia selalu membuat persembahan. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya berkata, pada pendapat saya semua ini ada kait-mengait dengan kerajaan tempatan walaupun ia dibentangkan oleh Jabatan Perdana Menteri.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sepintas lalu tidak apa, tetapi nampaknya selain daripada itu tidak ada point-point yang lain.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ada, ada. Saya belum pergi ke Pulau Pinang lagi. [*Ketawa*] Saya sekarang ada di Seberang Perai sahaja, di tanah besar sahaja, pulau di sebelah saya belum pergi dan saya akan pergi ke pulau juga.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa saya tidak ada bukti-bukti. Kalau tidak ada bukti, saya tidak mahu bawa di sini. Saya ada satu anggaran dan jawapan ini diberi oleh Kerajaan Pulau Pinang kepada seorang ADUN tunggal wanita di Pulau Pinang. Pada tahun 1994, satu jumlah denda dan kompaun telah dikutip oleh MPSB, iaitu satu kerajaan tempatan di kawasan saya, dan jumlah kutipan kompaun adalah RM1.6 juta, iaitu sebelum pilihan raya. Tahun 1995, satu jumlah RM2 juta telah dikutip, iaitu satu tambahan RM400,000.

Tahun 1996, selepas pilihan raya umum, iaitu selepas kemenangan besar Barisan Nasional, satu kutipan denda dan kompaun RM2.5 juta. Bandinglah kompaun yang dapat sebelum pilihan raya dan denda yang dapat selepas pilihan raya dan selepas kemenangan Barisan Nasional, satu lompatan kutipan yang begitu jauh bezanya. Inilah menunjukkan bahawa taktik-taktik Barisan Nasional mengadakan jikalau pilih mengundi kepada pembangkang mereka akan datang untuk mengkompaun, menangkap penjaja-penjaja dan lain-lain perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan pergi ke tajuk lain. Juga berkenaan dengan ahli majlis. Suka saya bertanya di sini, bahawa ahli majlis adalah calon-calon yang tewas, calon-calon yang kalah di dalam pilihan raya baik pun bertanding di Parlimen atau di Dewan Undangan Negeri, mereka kalah. Tetapi mereka dilantik untuk menjadi ahli Majlis. Kami telah mengkritik bahawa ahli-ahli Majlis adalah dipilih dari parti-parti politik. Tetapi kerajaan menafi berkata bahawa ini adalah satu kebetulan, 'ngam-ngam' seperti apa yang saya kata. Mereka tidak semestinya dari golongan ahli parti politik. Mereka boleh dipilih dari ahli kumpulan NGO, kumpulan persatuan-persatuan, orang-orang pakar, berilmu dari sesuatu tempat, mereka boleh dilantik sebagai ahli Majlis. Tetapi saya boleh mencabar kepada Barisan Nasional sila tunjuk mana-mana satu ahli Majlis yang tidak ada politic background. Mereka semua ini adalah ahli-ahli dari parti politik seperti MCA, Gerakan, MIC, UMNO dan sebelum tempoh mereka habis, selalunya dalam surat-surat khabar mengheboh-hebohkan bahawa Gerakan dapat 8 kerusi, MCA berapa kerusi, MIC berapa kerusi dan UMNO berapa kerusi. Ini semua telah diatur.

Jadi, ini adalah satu keadaan di mana ahli-ahli Majlis membuat keputusan akan menjaga polisi-polisi tempatan mengikut kehendak parti politik dan bukan mengikut kehendak rakyat. Ini adalah satu keadaan yang tidak sihat. Mereka selalunya mengambil kesempatan untuk pergi ke negara-negara asing dengan berkata mereka lawat sambil belajar. Tetapi tempoh mereka hanya dapat satu tahun. Selepas melawat dan belajar, bila balik sudah tidak ada tempat, kerana orang baru yang ganti. Orang baru pula kena pergi melawat, ini tidak kehabisan, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu pembaziran duit rakyat.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Bagan. Kalau DAP memerintah, adakah DAP akan mengangkat opposition, UMNO, MCA, MIC, Gerakan untuk menjadi Majlis Tempatan?

**Tuan Lim Hock Seng:** Insya-Allah. [Ketawa] Saya guna perkataan yang selalu dikata, kalau dengan izin Tuhan, DAP dapat memerintah sesuatu negeri bukan sahaja kami akan mengadakan satu perlantikan yang bebas, bahkan kalau boleh diizinkan dalam Perlembagaan.....

**Seorang Ahli:** Bohonglah lu!

**Tuan Lim Hock Seng:** .....boleh mengadakan satu pilihan undi atau pilihan raya untuk kerajaan akan datang.

**Seorang Ahli:** Bohonglah, bohong.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Itu kalau pilihan raya bebas, itu bukan Yang Berhormat lantik. Saya tanya kalau DAP memerintah, adakah DAP akan melantik opposition untuk menjadi tempat-tempat ini?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab, bukan sahaja kalau boleh kita melantik orang-orang bebas. Bahkan kita akan mengadakan pilihan raya untuk kerajaan tempatan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tetapi saya rasa oleh sebab Yang Berhormat bohong, Yang Berhormat tidak akan memerintah. [Ketawa]

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia tanya apa, saya jawab apalah. Itu pun bukan tidak ada kemungkinan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Tuan Lim Hock Seng:** Kemungkinan besar, bukan tidak ada kemungkinan, pada satu masa, iaitu pilihan raya umum tahun 1990 Pulau Pinang ada 33 kerusi, dan jikalau dapat 17 kerusi, kami boleh memerintah. Tetapi kami sudah mencapai 14, cuma tinggal 3 sahaja. Sedikit sahaja.

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih. Saya hendak tanya sambung dengan soalan Yang Berhormat dari Pokok Sena. Parti pembangkang selalu pembohong. Dia cakap PAS pun sama juga dahulu. Sebelum mereka memerintah, mereka kata kalau mereka memerintah mereka akan melaku adil. Hari ini dalam pemerintahan PAS, semua ahli Majlis, orang UMNO semuanya keluar. Orang UMNO dahulu yang dikeluarkan. Itu yang pertama.

Jadi, DAP parti yang tidak chance memerintah memang bolehlah janji beri langit, beri bulan, memang mereka tidak akan berkuasa. Jadi, bila dia kalah, saya ingat susahlah. Buktinya macam PAS, dahulu serupalah macam DAP cakap hari ini. Jadi, saya hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat mengatakan fasal majlis daerah menjalankan tugasnya mengikut kehendak politik. Saya hendak tanya Yang Berhormat beza kehendak politik dengan kehendak kerajaan. Tadi Yang Berhormat menyatakan ahli Majlis yang dilantik ini daripada Gerakan, MCA dan UMNO, semuanya sebelah parti kerajaan. Jadi, apabila sebelah parti kerajaan, bagaimana Yang Berhormat mengatakan bahawa majlis daerah ini memerintah mengikut kehendak parti politik. Yang bersetujukah kalau saya mengatakan mereka ini memerintah mengikut kehendak kerajaan, bukan kehendak parti politik?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, serupalah juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang sekarang, dia bukan boleh buat keputusan untuk sendiri dalam Dewan yang mulia ini walaupun beliau seorang profesional, iaitu profesional di bidang peguam. Walaupun rang undang-undang itu beliau ingat tidak baik, beliau tidak boleh kata 'saya tidak mahu sokong', kerana ada whip. Serupa juga ahli Majlis, mereka juga ada fikiran, ada otak. Kadang-kadang mereka ingat polisi-polisi yang mereka buat keputusan itu bukanlah satu polisi yang wajar, bukan satu polisi yang baik. Tetapi mereka tidak boleh bangkang dalam majlis itu. Mereka tidak ada pilihan lain, tetapi hanya untuk kata 'ya' dan 'betul'.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih. Ini yang saya hendak minta penjelasan tadi. Tetapi apabila Yang Berhormat mengambil contoh di Dewan Rakyat, kita membuat keputusan bukan berdasarkan parti politik, tetapi pada dasar Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, saya hendak minta kenyataan Yang Berhormat sama ada majlis yang membuat keputusan mengikut kehendak parti politik ataupun mengikut kehendak dasar-dasar kerajaan. Seperti kita di Barisan Nasional di sini, kita buat keputusan bukan mengikut kehendak parti UMNO,

tetapi telah diputuskan oleh kerajaan dan kita menyokong segala dasar yang telah diputuskan oleh kerajaan. Jadi, Yang Berhormat jangan keliru antara parti politik dengan kerajaan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Betul juga. Kalau ikut prinsip, parti itu lain, kerajaan itu lain. Tetapi nampak sekarang di negara kita ini, parti pemerintah, parti Barisan Nasional tidak lain daripada kerajaan. Saya pernah mendengar seorang Pengarah di satu-satu jabatan di Pulau Pinang, saya pergi jumpa dia. Dia kata, "Yang Berhormat, kalau ada apa-apa masalah datang jumpa saya, saya akan selesai. Public administration must be independant." Dia yang kata, bukan saya kata. Tetapi nampaknya tadi saya telah berkata, ada kebanyakan pegawai-pegawai kerajaan tidak patuh prinsip ini. Mereka tidak independant, tidak bebas. Jadi, mereka juga menyebelah ke sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh lagi. Seorang Wakil Rakyat, saya dengar kononnya ada peruntukan projek-projek kecil, seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat dari Paya Terubong, beliau kata, "Sekarang peruntukan ini tambah pula RM500,000." Setengah juta. Tiap-tiap seorang wakil rakyat ada hak membuat pengumuman peruntukan sebanyak RM500,000. Sebab itulah mereka pergi ke sana, pergi ke sini memberi kerusi-meja, pinggan-mangkuk, macam-macam mereka beri.

**Seorang Ahli:** Mangkok tidak boleh.

**Tuan Lim Hock Seng:** Baru kelmarin sahaja, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera memberi bangku, kerusi kepada satu persatuan. Tetapi di sebelah sini, saya pergi minta dari D.O. Butterworth kata saya mahu buat bumbung rumah mayat yang bocor. Rumah mayat lebih penting, Tuan Yang di-Pertua. Bila ada mayat dalam rumah yang bocor itu, bila hujan, mayat pun kena air. *[Ketawa]* Tetapi tidak dapat. Itu penting punya hal pun tidak dapat. Tetapi bila sudah beri mereka kerusi, mereka buang, campak sana, campak sini, boleh dapat.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Minta penjelasan. Yang Berhormat dari Bagan kata rumah mayat, dia tidak tanam mayat, dia pakai simpan di rumahkah mayat itu? *[Ketawa]* Saya tidak faham.

**Tuan Lim Hock Seng:** Di rumah-rumah pangsa ada satu bangunan yang kecil untuk mereka taruh

coffin. Ini orang kampung, kata perkataan orang kampung dia pun tidak faham.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Mayat itu disimpan dalam peti, bukan mayat terbaring di atas lantai sahaja.

**Seorang Ahli:** Main-mainkah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, cuba banding, rumah mayat bumbungnya bocor, mustahak atau tidak? Memberi pinggan-mangkuk, memberi kerusi-meja itu lebih penting. Ini tidak munasabah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Batang Lupar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan dengan Yang Berhormat. Saya sudah lupa rang undang-undang apa yang kita bahas ini. *[Ketawa]* Sampai ke rumah mayat pun sudah keluar. Pertama, ini secara serius, tadi Yang Berhormat kata ahli Majlis ini pergi ke luar negeri ke sana-sini. Selepas itu mungkin masa dia habis, dia berhenti. Jadi, dia sudah belajar, mungkin pergi ke Eropah, pergi ke Australia dan sebagainya mempelajari apa yang dipandang di Australia, di England dan sebagainya, dia belajar. Jadi, mungkin kita gunakan duit sedikit. Dalam konteks yang sama kalau kita mengajar anak-anak kita sekolah, adakah ini membuang duit yang kita mengajar anak-anak sekolah oleh kerana dia tidak masuk kerajaan, tidak masuk parti UMNO, PBB, masuk PAS, masuk DAP, tidak buang duit juga yang ini. Jadi, soalnya kita mengajar orang memahami dan create awareness.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kesedaran.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kesedaran kepada seseorang itu yang mungkin bukan sahaja tak payah duduk jadi ahli majlis tetapi mungkin buat laporan ataupun maklum balas kerana orang yang bakal menjadi ahli majlis supaya masyarakat Malaysia menjadi lebih terdidik, lebih pandai, lebih sedar dengan apa-apa yang telah kita pandang. Macam mana pandangan Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa sesiapa yang mahu mempelajari menambah ilmu mereka masing-masing tidak menjadi masalah,

tetapi jangan gunakan wang rakyat, wang kerajaan tempatan untuk pergi belajar dan lepas itu balik berhenti kerja di jawatan itu. Kalau beliau ingin pergi belajar dengan wang sendiri, dia punya suka.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat mahu melabur di badan anak-anak Ahli Yang Berhormat, invest on your son or your children, itu satu perkara yang baik, tetapi janganlah panggil orang lain memberi duit kepada anak kamu dan pergi belajar, kalau tidak mampu. Kalau Ahli Yang Berhormat mampu jangan minta kepada orang lain.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada Ahli Yang Berhormat sokong atau tidak kerajaan membina sekolah, membina universiti dan sebagainya?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan pergi ke satu tajuk lagi iaitu ....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, tidak jawabkan soalan saya tadi?

**Tuan Lim Hock Seng:** Apa dia?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kerana membina sekolah, membina universiti untuk orang belajar ini, Ahli Yang Berhormat sokong atau tidak? Kemudahan yang kerajaan buat sama ada dari segi fizikal ataupun yang tidak boleh dipandang 'intangible'nya sama ada Ahli Yang Berhormat sokong soalan ini atau tidak?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Saya sokong memang saya selalu kata kita minta peruntukan untuk sekolah untuk kolej-kolej dan untuk lain-lain pertubuhan yang berfaedah dan Ahli Yang Berhormat tadi membangkitkan adalah khas untuk Ahli Majlis di mana mereka memakai wang rakyat, wang kerajaan tempatan pergi melawat sambil belajar dan lepas itu balik berhenti.

Tuan Yang di-Pertua, kami boleh nampak bahawa pada masa ini perkhidmatan pembetungan najis telah diswastakan dan tidak lama lagi sampah sarap juga akan dikenakan kutipan yang dibayar oleh setiap rumah. Saya agaklah potong rumput, cuci longkang, sampah sarap, perkhidmatan pembetungan najis, semua diswastakan, apakah kerja lagi yang perlu dilakukan oleh kerajaan tempatan dan majlis perbandaran, apa kerja lagi, menanam pokok, tanam bunga, itupun selalunya diswastakan, tangkap nyamuk, [Ketawa] sembur minyak itu pun tidak ada lagi, dahulu ada sembur minyak, sekarang tidak mahu cuma mahu tangkap nyamuk, macam mana kalau anaknya tidak ditangkap macam mana ibunya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, betulkah, nyamuk kena ditangkapkah?

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, selalu juga hari-hari heboh berkenaan nyamuk aedes, heboh ini dan itu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah saya adalah kebanyakan kerja-kerja MPSP atau kerajaan tempatan di mana-mana negeri telah diswastakan. Tetapi kadar cukai pintu masih naik setiap tahun. Tetapi alasan yang mereka berikan juga elok, mereka tidak katakan naik kadar cukai pintu, mereka kata, kadar cukai memang sama, mungkin 8% setiap tahun. Tetapi nilai harta yang tinggi, tahun ini mungkin RM2,000, tahun hadapan dia kata sudah jadi RM3,000, jadi  $RM3,000 - 8\% = RM240$ . Kalau  $RM2,000 = RM160$ . Jadi, ini satu kesimpulan jugalah, tambah di sana tambah di sini akhirnya kita kena bayar dengan bayaran yang lebih.

Jadi, kadar cukai pintu setiap tahun naik. Bolehkah kita menimbangkan perkara ini. Perkhidmatan yang diberikan kurang memuaskan, tetapi kadar cukai pintu tinggi. Sampai bilakah keadaan seperti ini akan berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, selalu dalam fikiran saya, jikalau boleh setiap kawasan perumahan menubuh satu persatuan penduduk-penduduk di sana dan cukai pintu bagi setiap rumah diberi kepada setiap persatuan penduduk-penduduk di kawasan itu. Dan saya pasti persatuan penduduk-penduduk setempat itu boleh mengurus masalah pembersihan di kawasan itu dengan lebih sempurna.

Sekarang kami memberi cukai pintu kepada kerajaan tempatan, nampak semua kotor juga, tak payahlah satu demi satu untuk mengungkit - kotor. Jikalau dalam kawasan perumahan kita boleh pagarkan, kutip cukai itu beri kepada satu pertubuhan seperti pertubuhan penduduk-penduduk setempat itu dan mereka memakai wang ini atau cukai ini untuk menggaji orang untuk menjaga kebersihan tempatan. Saya ingat itu lagi boleh sempurna. Bolehkah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan pandangan saya ini?

**Seorang Ahli:** Boleh.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Hock Seng:** Tadi saya sudah cakap. [Ketawa] Nampak mengantuk sahaja. [Ketawa]

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Adat orang Melayu Yang Berhormat, kalau kena tanya kena jawab.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ha, itu terserah kepada Ahli Yang Berhormat. Kalau mahu jawab, boleh jawab, kalau mahu menyahut, boleh menyahut, kalau tidak mahu pun tidak mengapa.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya, nanti saya jawablah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, boleh!

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak pergi ke Pulau Pinang.

**Seorang Ahli:** Hendak balik?

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan balik, mahu pergi! Masuk tajuk Pulau Pinang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika kerana ada satu projek di Pulau Pinang iaitu Perangin Mall. Mereka membuat basement dan kena mengorek tanah untuk basement ini dan bila mengorek basement mereka kena mengepam air-air keluar supaya jadi kering, supaya boleh membuat cerucuk bangunan tersebut.

Dalam proses pembinaan ini, bumi atau tanah-tanah sudah tenggelam. Bila tanah tenggelam, rumah-rumah yang dibina pada masa sebelum perang telah turun dan meretak. Mereka tidak duduk di atas piling, tidak ada cerucuk, jadi, rumah-rumah ini telah retak dan projek ini boleh dipandang dari Komtar. Pejabat Ketua Menteri, pejabat kerajaan semua ada di atas Komtar. Mereka hanya pergi ke tingkat dan boleh melihat tapak ini. Sebenarnya, keretakan bangunan ini berlaku pada bulan September 1996. Mereka tidak ambil tahu sehingga ada laporan yang rasmi pada bulan Disember 1996. Masa itu keadaan sudah jadi sangat kritikal, telah menjadi satu bencana. Masa itulah baru MPPP sekarang masuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menghantar pakar-pakar mereka untuk meninjau masalah ini, tetapi pada masa itu lebih kurang ada 300 buah rumah sudah terlibat dan penduduk bagi 300 buah rumah ini ada lebih kurang 4,000 orang.

Rumah-rumah mereka meretak, mereka akan nampak sisa-sisa batu atau dinding jatuh ke lantai, mereka duduk-duduk sedang makan nasi, 'pop' keretakan dinding, keretakan bumbung berlaku dan jatuh ke atas meja mereka dan mereka merasa macam mana. Mereka kluatir bila-bila masa rumah mereka akan runtuh.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Bagan, apa ada kena mengena Komtar retaklah apa semua ini dengan Akta Pencen ini? Saya telah mengikuti ucapannya lama sudah, kisah nyamuk, kisah bangunan Kompleks Tun Razak retaklah, kisah penduduk berapa ribu orang, ini tidak ada kena mengena dengan Akta Pencen ini, tidak ada kaitan langsung.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, satu gambaran juga yang sama yang diberi oleh Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya pun rasa begitu juga Yang Berhormat. *[Ketawa]* Sebab tadi pun saya telah beri teguran. Tetapi nampaknya ghairah sangat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ghairah? Bukan, Tuan Yang di-Pertua! Tadi saya sudah kata, ini berkenaan dengan kakitangan kerajaan tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Kami akan memberi pencen, kami akan memberi ganjaran kepada mereka dan ini adalah tugas mereka, ini adalah tanggungjawab mereka untuk menjalankan tugas, untuk mentadbirkan kerajaan tempatan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi Yang Berhormat, itu pun boleh dikira sebagai tugas-tugas dalam bidang kuasa kerajaan tempatan bukannya Jabatan Perdana Menteri. Saya sudah cakap dah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ganjaran diberi, gaji diberi, apa kita hendak harap kepada mereka? Kita harap mereka boleh menjalankan tugas mereka masing-masing dengan sempurna dan jikalau kami hendak memberi satu perbelanjaan wang tambahan, takkan perilaku mereka tidak boleh disentuh.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah kata, kami datang ke sini melihat akta ini, rang undang-undang ini hendak memberi pencen kepada mereka, mereka boleh memilih pencen atau mereka boleh memilih KWSP. Apa hendak dikatakan, beri kepada mereka

sahaja. Itu satu rang undang-undang yang baik, saya belum sampai ke sana. Saya akan sokong rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebelum saya sokong peri kelakuan, kerja-kerja, tugas-tugas mereka perlu juga diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata bukan Komtar yang retak, bukan Komtar yang hendak runtuh, kalau Komtar yang retak, Komtar yang runtuh, itu bermakna satu Kerajaan Pulau Pinang sudah runtuh, sudah jatuh ke bumi, mungkin akan ditimbus juga.

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Seremban bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, ya.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 35(1). Bila Ahli Yang Berhormat itu berucap, dia mesti mengarahkan kepada Tuan Yang di-Pertua, bukan ke arah sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat dari Bagan, patut bila Ahli Yang Berhormat berucap menghala ke Kerusi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, saya akan pandang muka yang lebih wajar di sebelah sini dan bukan di sebelah sana. *[Ketawa]*

Saya akan lebih memandang ke arah sini!

**Seorang Ahli:** Di sini tak suka?

**Tuan Lim Hock Seng:** Di sana pun suka juga. *[Ketawa]* Tetapi di sini ada kurang suka sedikit. *[Ketawa]* Mula-mula saya suka tetapi bila dia kacau saya sudah tidak suka.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan bencana ini berlaku pada bulan September tahun yang lepas, satu laporan rasmi dibuat pada bulan Disember tahun yang lepas. Selepas tiga bulan baru MPPP dan Ketua Menteri Pulau Pinang baru kata, baru keluar kata: "Oh! Ada masalah ini, sebelum itu kami tak tahu." Apa mereka ini duduk di atas Komtar, boleh memandang ke tapak itu, dia kata dia tidak tahu ada bencana ini berlaku, semuanya mahu mengikut laporan rasmi sahaja. Seperti polis kalau ada satu kejadian pembunuhan di sana, dia kata: "Tidak ada orang yang membuat laporan, saya tidak mahu pergi!" Ini tidak betul! Bila ada dengar satu bencana telah berlaku, satu perkara besar telah berlaku, mereka perlulah pergi ke tempat itu dengan sukarela, bukan sahaja selepas mendapat laporan rasmi baru pergi, ini saya hendak kutuk perkara seperti ini Tuan Yang di-Pertua.

Dan selepas itu banyak pakar diundang untuk menjalani kajian tanah. IKRAM - satu institut kaji bumi dan kepakaran daripada JKR juga turut menyertai penyiasatan ini dan pada masa sekarang kerja-kerja itu disambung semula. Kononnya kerja-kerja 'precaution work' telah diambil dan pergerakan bumi telah stabil, tetapi apa yang mustahak, walaupun pergerakan bumi telah stabil rumah tidak retak lagi tetapi apa terjadi kepada rumah-rumah yang telah retak itu? Siapa kena bertanggungjawab untuk memberi pampasan dan membaikpulih rumah-rumah ini?

Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya, pemaju tidak boleh dielak daripada tanggungjawab ini tetapi Kerajaan Tempatan Pulau Pinang juga bertanggungjawab untuk memberi segala bantuan kepada rumah-rumah yang terlibat ini dan sampai sekarang belum nampak ada apa-apa tindakan yang konkrit yang dijalankan oleh MPPP di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membidas Kerajaan Tempatan Pulau Pinang iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Pada masa sekarang mereka hendak menghadkan kemajuan bangunan-bangunan di George Town - di pusat bandar Pulau Pinang ini. Dengan perlindungan satu akta iaitu Akta Kawalan Bangunan Bersejarah, MPPP menghadkan ketinggian bangunan di George Town tetapi baru-baru ini ada tiga buah bangunan yang tinggi telah diluluskan oleh MPPP. Saya petik daripada surat khabar iaitu MPPP telah meluluskan tiga buah bangunan bertingkat tinggi dan ini telah membangkitkan kritikan daripada pihak orang ramai seperti arkitek, engineer dan juga ejen-ejen harta. Mereka kata MPPP ini 'double standard'. Ada orang yang memohon kelulusan bangunan tinggi tidak diizinkan, ada orang memohon bangunan tinggi boleh dapat diluluskan.

Jadi, saya hendak bertanya di sini, kerajaan tempatan iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang ini meluluskan tiga buah bangunan yang bertingkat tinggi ini atas dasar apa dan mengapa permohonan-permohonan lain tidak dapat diluluskan? Dan juga ada kritikan dalam satu perjumpaan Surveyor, Pelukis, Engineer, Arkitek dan Developer (SPEAD). Mereka ada satu pertemuan, satu perbincangan dan dalam pertemuan dan perbincangan ini banyak masalah telah dibangkit. Antaranya ada seorang pemaju membangkitkan bahawa mereka meminta kelulusan pelan kepada MPSP dan ia mengambil masa tiga hingga empat tahun baru dapat diluluskan. Jikalau satu kelulusan pelan akan mengambil masa tiga hingga empat tahun, itu adalah satu jangka masa yang agak panjang dan kami pernah mendengar

bahawa ada perubahan di MPPP di mana mereka kata mereka akan meluluskan pelan-pelan pembangunan hanya dalam satu, dua bulan sahaja. Saya ingat ini ada lagi satu 'cakap hanya cakap sahaja, buat yang lain - cakap tidak serupa bikin'.

Tuan Yang di-Pertua, mereka tanya jikalau satu-satu pembangunan hendak mengambil tiga atau empat tahun, apa akan terjadi kepada semua ini? Di samping itu, mereka akan kerugian besar kerana tidak dapat menjalankan pembinaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membidas Metropole - sebuah bangunan yang bersejarah. Sebuah bangunan yang bersejarah di Pulau Pinang telah diroboh dua tahun yang lepas pada satu perayaan Krismas di mana semua pejabat tempatan telah tutup, mereka dalam satu, dua hari sahaja telah merobohkan dan perkara ini telah dibawa ke mahkamah dan pemaju hanya didenda sebanyak RM10,000. Dengan meroboh sebuah bangunan yang bersejarah yang dikawal, hanya membayar RM10,000 dan mereka boleh pakai tapak itu untuk membina bangunan yang baru yang lebih besar, yang berharga lebih tinggi lagi. Jadi, saya ingat denda sedemikian ini tidak akan menakutkan pemaju-pemaju yang ingin mendapat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya jikalau seseorang pemaju merobohkan satu bangunan yang terkawal - bersejarah, tapak itu tidak boleh diluluskan untuk membina rumah atau bangunan yang baru dan di samping itu, mereka perlu membina balik bangunan serupa demikian. Hanya ini boleh menakutkan mereka. Ini adalah satu contoh di mana Metropole Hotel di Jalan Kelawai pada masa dahulu telah diroboh dan satu bangunan yang berpuluh-puluh tingkat akan dibina di kawasan sana.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sering dikhuatiri oleh penduduk-penduduk di kawasan Pulau Pinang adalah 'communication tower'. Mereka membina 'communication tower' di atas bumbung bangunan-bangunan yang sedia ada dan penduduk-penduduk di sekitaran mengkhawatiri bahawa ini akan memberi satu kesan yang buruk kepada mereka tetapi sehingga sekarang Kerajaan Pulau Pinang tidak ambil tindakan untuk menangani perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali satu perkara lagi yang saya ingin bawa ialah berkenaan dengan lalu lintas dan kekurangan tapak meletak kereta di Pulau Pinang. Sesiapa yang pergi ke Pulau Pinang pada masa ini akan merasa keliru. Pada masa dahulu, apabila mereka sampai ke jeti, mereka hendak pergi ke satu kawasan, hanya mengambil masa sepuluh

hingga lima belas minit mereka boleh sampai tetapi pada masa sekarang, jikalau pergi ke feri dan hendak pergi ke satu-satu kawasan mereka akan pusing-pusing satu bandar baru boleh sampai tempat itu. Ini adalah sistem trafik yang terbaru di Pulau Pinang dan sampai masa ini masih dalam peringkat percubaan, tidak ada satu 'solution' yang konkrit di bawa ke sana. Mungkin saya minta Kerajaan Persekutuan boleh hantar pakar-pakar lalu lintas untuk membantu Kerajaan Pulau Pinang kerana nampaknya Kerajaan Pulau Pinang tidak upaya, tidak ada keyakinan untuk mengatasi masalah lalu lintas ini.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau pihak Kerajaan Tempatan Pulau Pinang boleh menjaga tempat-tempat letak kereta, mereka perlu melakukan sesuatu kerana pihak swasta yang mengenakan 'parking fee', dengan izin, yang melampau. Misalnya, mengenakan sebuah kereta dekat RM2 atau RM3 untuk meletak kereta mereka di sana untuk satu jam sahaja. Saya berharaplah Kerajaan Tempatan Pulau Pinang - Majlis Perbandaran Pulau Pinang boleh menyediakan lebih tapak untuk meletak kereta dan bukan membiarkan orang-orang awam atau pihak swasta memonopolikan tapak meletak kereta dengan perbelanjaan yang lebih tinggi.

Dengan ini, satu rang undang-undang di mana pekerja-pekerja pihak berkuasa berkanun atau kerajaan tempatan boleh mendapat pencen atau mereka hendak memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan, ini adalah satu rang undang-undang yang baik dan saya menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Batang Lupar.

3.58 ptg.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mendengar panjang lebar 'layaran' dibuat oleh Ahli Parlimen dari Bagan. Saya pun akan belayar juga tetapi tidak sejauh itulah. Saya mungkin belayar ke Laut India, Laut Pakistan dan sebagainya tetapi tidak sampai Laut Pasifik.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap sedikit, saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Pencen adalah penting dipandang oleh keluarga yang mana tanggungjawab yang telah dibuat oleh seorang bapa ataupun ibu kepada keluarga yang berkenaan kalau berlakunya kematian semasa muda, anak-anak dalam jagaan ibu bapa yang berkenaan. Jadi, pencen ini telah mendatangkan nikmat kepada

banyak keluarga juga tetapi sebaliknya pula ada juga dua, tiga perkara yang perlu kita lihat semula yang mana ia mendatangkan kesedihan kepada segelintir orang.

Pada tahun 1995, berlaku sedikit perubahan dalam struktur pencen rakyat Malaysia yang terlibat dengan kerajaan ataupun badan-badan berkanun dan pihak tempatan. Umpamanya perubahan yang sedemikian telah mengubah pendapatan gratuity dan mendapat pencen itu sendiri.

Jadi, kalau orang itu umpamanya bersara pada tahun 1995 mendapat gaji RM1,500 dan kemungkinan dia mendapat gratuity umpamanya RM30,000 dan mendapat pencen mungkin RM700. Tetapi kalau orang yang sama pencen pada tahun 1996, dia mungkin dapat pencen RM900 dan gratuity RM60,000. Jadi, ini tidaklah menjadi masalah kalau orang yang bersara itu adalah orang yang sama. Tetapi apa yang berlaku, kalau dua orang pegawai, seorang pegawai kerani kanan dan seorang lagi pangkat kerani. Yang kerani itu pencen tahun 1996, yang pegawai kerani kanan itu pencen tahun 1995. Masa berkhidmat, pegawai kerani kanan ini mendapat gaji RM1,500 dan kerani dapat RM1,000. Jadi, bila masa pencen, kerani dapat lagi besar pendapatan daripada gratuity dan pencennya daripada pegawai kerani kanan itu tadi. Bila masa berpencen, nampaklah disparity pendapatan, dengan izin. Pegawai kerani kanan ini biasa mendapat pendapatan yang lebih besar tetapi mendapat pendapatan yang kecil dari segi pencennya pada tahun 1997, begitu juga gratuity dia. Yang kerani ini tadi dapat buat rumah atau ubah rumah dia ataupun pergi haji, tetapi pegawai kerani kanan itu tadi tidak boleh dapat kerana gratuity dan pencen dia jauh lebih kecil daripada kerani yang junior dari segi gaji dan pangkat dengan dia.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat sebelum membuat satu-satu perubahan supaya kalau kita tidak beri pun gratuity kepada pegawai yang bersara itu, janganlah pula yang sudah bersara itu dibiarkan begitu sahaja yang mana disparity pendapatan dia begitu ketara sekali. Kerana saya kenal dengan dua orang beradik, abang dia pangkat jauh lebih tinggi daripada adik dia dan adik dia junior daripada dia pada masa berkhidmat, abang dia dapat gaji besar, lebih bagus kedudukan dia. Tetapi apabila bersara, si abang bersara pada tahun 1995 dan si adik bersara pada tahun 1996. Pada masa sekarang si adik menerima lebih besar pencennya

daripada abang dia yang hanya di antara tiga bulan sahaja perantaraan pencen ini, masa penamatan jawatan ini dan mendapat pencen yang lebih kecil daripada si adik tadi. Jadi, sebagai seorang manusia biasa, dia rasa tidak sedap hati, mula-mula dia boss, lepas itu dia rasa tertindas, pangkat besar tetapi pendapatan kecil dari segi pencen.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat semula, adjustment ataupun penyelarasan pencen yang kita buat pada tahun 1995 dan 1996 itu kita pandang semula supaya jangan ketara sangat. Adjustlah sedikit ataupun berilah sedikit pendapatan kepada pensioner yang mendapat pencen dahulu daripada tahun 1996 supaya jangan ketara sangat di antara dua pangkat yang berlainan tadi, bila mendapat adjustment itu, teruk sangat pendapatan dia. Jadi, pihak kerajaan hendaklah melihat semula supaya perkara ini jangan berlaku dari masa ke semasa supaya perasaan orang jangan tertekan sangat. Bukan perasaan dia, tetapi oleh kerana kedudukan hidup dia yang membuat satu perasaan yang tidak puas hati. Jadi, mempersoalkan kebijaksanaan kerajaan, ada masa kita memberi peluang kepada yang lain mendapatkan keuntungan daripada pencen dan sebagainya. Orang yang seperti ini walaupun tidak boleh lagi menerima opsyen, mendapat EPF. Kalau diberi peluang, mungkin dia mahu juga supaya dapat sekali gus yang mungkin dilabur atau dibuat benda lain supaya pendapatan itu lebih baik lagi.

Saya berpindah kepada satu cerita lain lagi, iaitu perkara yang kedua. Sebagaimana yang saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendaklah pergi belayar ke Lautan Pasifik untuk berbincang cerita-cerita di Laut China Selatan. Saya belayarlah di Laut China Selatan sahaja untuk sampai ke Sarawak dari Kuala Lumpur. Pencen ini saya pernah bercakap. Saya ini rata-rata sokong wanita. Kalau si suami meninggal dunia dan pencen itu diberi kepada si isteri, tetapi kalau si isteri pula berkahwin, kerajaan tarik balik pencen dia, tidak kira sama ada si suami yang baru itu mendapat gaji atau pendapatan hanya RM300, RM400 dan pencen yang bakal diterima oleh si isteri kalau dia tidak berkahwin baru mungkin RM300, RM400 atau RM500. Jadi ditarik balik pencen si wanita yang telah mendapat pencen ataupun hak daripada pencen suami dia dan kalau hendak berkahwin baru, pencen ini kena tarik, kerana dengan alasan ataupun landasan yang si suami yang bakal dikahwini oleh si wanita ini ialah akan memberi nafkah dan saraan hidup kepada wanita ini.

Tetapi dalam keadaan yang sama, kalau si wanita ini tidak berkahwin, dia hidup dengan lelaki lain, kalau dia hidup dengan lelaki lain dengan tidak berkahwin, dia berhak menerima pencen, berselubungi dengan dosa dan sebagainya dilayakkan oleh kerajaan menerima pencen. Tetapi kalau dia hendak kahwin, menghalalkan perhubungannya dengan lelaki lain, pencen itu ditarik balik. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, bukan sahaja kita menunjukkan yang si wanita telah didiskriminasikan oleh kerajaan tetapi juga kerajaan tidak melihat implikasi yang orang boleh hidup bersama dengan tidak berkahwin mendapat keuntungan dengan yang berkahwin dalam keadaan halal tidak mendapat pengiktirafan daripada kerajaan.

Saya berharap pihak kerajaan bukan sahaja hendak menyokong pihak wanita dalam keadaan demikian, tetapi tidak mempersetujui hakikatnya si wanita boleh duduk bersama dengan lelaki lain dan dihalalkan menerima pencen dan dalam masa yang sama tidak boleh menerima kalau dikahwinkan. Itu hakikat. Jadi, saya berharap kerajaan selidik dan lihat semula sejauh manakah implikasi-implikasi lain yang mungkin saya tidak sebutkan di sini yang negatif akan datang kalau si wanita yang telah menerima pencen si suami itu nanti kalau dia berkahwin akan hilang pencen. Kalau diberi pencen, apakah implikasi negatifnya? Biarlah positif itu lebih banyak daripada yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, saya sarankan kepada pihak kerajaan agar wanita yang telah menerima pendapatan pencen daripada si suami hendak bersuami pula dibenarkan menerima pencen sedemikian, walaupun beliau tidak mempunyai anak di bawah umur yang patut menerima pencen. Kerana dalam keadaan yang sedemikian, bukan kita sahaja menunjuk kita berpandangan positif tetapi juga kita menjauhi situasi yang mana keadaan boleh dieksploitasikan oleh pihak-pihak yang mungkin imannya tidak begitu keras.

Tuan Yang di-Pertua, orang pencen bila dia layak setelah menerima pencen, dia meninggal dunia, pencen itu diterima oleh si isteri. Dan si isteri pula apabila meninggal dunia, anak yang di bawah umur 21 tahun layak menerima pencen. Tetapi soalnya, anak yang berumur di atas 21 tahun yang mungkin bodoh, kurang siuman dan, dengan izin, incapacitate, mungkin dia patah, jadi orang yang tidak boleh berdiri di atas kakinya sendiri, soalnya sama, adakah kerajaan boleh memikirkan orang yang sedemikian diberi juga menerima pencen dari bapa mereka sampailah ke hujung hayatnya. Kerana kalau orang yang bodoh, orang yang rosak

fikirannya, mungkin tidak gila yang boleh dilayakkan masuk ke institusi yang tertentu ataupun dia telah terlibat dalam satu kemalangan jalan raya ataupun sebagainya menjadi tidak boleh menyara hidup dia sendiri lagi, sepatutnya menerima pendapatan daripada bapa ataupun ibu yang telah pencen itu, jadilah orang ini tidak terbelah.

Kita boleh cadangkan, kita katakan boleh berjumpa dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam keadaan yang sedemikian, kerajaan juga yang beri duit. Tetapi dalam pemberian yang diberi oleh Jabatan Kebajikan mungkin tidak mencukupi apa yang sepatutnya dia terima. Jadi anak-anak yang sedemikian, termasuk anak-anak angkat, sepatutnya dibolehkan menerima pencen daripada si ibu ataupun si ayah yang telah meninggal dunia sehinggalah anak ini kalau dia cacat dari segi badan anggota ataupun mentalnya, dibolehkan menerima pencen sampai ke habis hayatnya. Ini selain daripada anak yang sememangnya mendapat pencen, sudah mencapai umur 21 tahun tidak dibolehkan lagi, tidaklah saya menyarankan untuk disambung sehingga dia habis hayat. Saya hanya sebutkan orang yang mungkin tidak boleh menyara hidup dia sendiri, sepatutnya pencen ini dipanjangkan kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua, pencen EPF ini satu perkara yang ada hubung kait yang rapat. Kita tahu pada masa sekarang ada EPF ataupun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, berapa banyakkah jumlah wang simpanan pekerja yang mana pencarumnya sudah tidak ada lagi ataupun hilang dan masih dalam simpanan kerajaan dan tidak dituntut oleh pencarum ataupun yang berhak dengan wang ini ataupun keluarga atau beneficiaries yang mungkin ada, tidak disebut dalam rekod-rekod kerajaan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, saya menerima buku daripada kerajaan mengatakan wang simpanan ini banyak, masih dalam simpanan kerajaan tetapi belum dituntut. Dalam nama itu kita boleh cam, ada dari Sarawak, ada daripada Semenanjung, kerana di Sarawak kita boleh kenal nama dia bermula dengan 'K' pada kad pengenalan dia, tetapi kemungkinan orang ini anak dia sudah meninggal dunia dan anak dia tidak sedar yang ibu bapa dia mempunyai wang simpanan dalam tabung ini dan wang ini belum lagi dituntut dan kerajaan pada satu ketika nanti anak menyimpan wang ini ke dalam simpanan wang yang tidak dituntut. Berapa lamakah masa yang diberi oleh pihak kerajaan daripada pencaruman berhenti, barulah wang ini disenaraikan sebagai wang yang tidak dituntut dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mencari waris ataupun orang yang berhak untuk

mendapat sumber wang ini supaya boleh diserahkan kepada keluarga yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di dalam bandar, di Kuala Lumpur, di Johor, di Kuching, Miri, Pulau Pinang, Ipoh dan sebagainya, kemungkinan kita tidak melihat masalah dan kemusykilan orang yang berkenaan ataupun keluarga yang berkenaan membuat tuntutan dari segi pendedahannya, dari segi kebijaksanaan keluarga yang berkenaan untuk mencari pencarum-pencarum yang telah diberi oleh keluarga yang meninggal. Tetapi kalau orang di luar bandar, masalah ini bukan sahaja mereka tidak kenal yang benda ini telah dibuat, tetapi hendak mencari maklumat sama ada keluarga ini telah pernah memberi caruman pun susah hendak cari. Saya menggunakan keadaan ini, umpamanya di Sarawak masih banyak orang luar bandar, boleh dikatakan 50% orang di Sarawak itu ialah orang luar bandar. Jadi, orang luar bandar ini, perhubungan kurang, televisyen pun kalau ada mungkin satu stesen sahaja yang boleh dapat. Kalau ada pun surat khabar sampai ke kawasan, ia datang dua minggu selepas surat khabar itu dikeluarkan.

Jadi, perkara ini berlaku oleh kerana perhubungan yang begitu susah di antara masyarakat bandar dengan orang di luar bandar. Dalam keadaan sedemikian, saya percaya banyak orang yang ditunjuk dalam buku disenaraikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini dipunyai manusia yang telah meninggal dunia dan meninggalkan anak-anak keluarga dan waris yang boleh menerima tuntutan. Tetapi pada masa sekarang tertanya-tanya dan mungkin pun tidak tertanya-tanya, tidak sedar pun yang benda ini wujud. Jadi, bukan kita kata kerajaan tidak boleh mengambil wang ini, tetapi dalam keadaan yang mana kerajaan tidak perlu sangat wang ini. Wang ini memang hak seseorang tetapi wang ini tidak dituntut, melainkan kerajaan mencari satu mekanisme untuk mencari waris-waris ini.

Saya sarankan satu cara, iaitu supaya senarai-senarai orang yang di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini disenaraikan mengikut negeri, dan di negeri itu pula dibahagi-bahagikan mengikut bahagian, residential dan daerah masing-masing. Kerana kalau kita pandang, umpamanya di Semenanjung dengan Sarawak, mungkin di Semenanjung ini semua kad pengenalan kita sudah berlain, ataupun kad masa sekarang berlain, sama sahaja nampaknya. Tetapi sebelum kad pengenalan baru, orang yang daftar di Sarawak dan Sabah dengan Semenanjung itu berlain. Kalau di

Sarawak nampaknya fair, sekurang-kurangnya orang Sarawak boleh senang kita agih-agihkan di dalam satu senarai buku, dan kalau diagihkan orang ini, asal-usulnya dahulu daripada satu kampung ataupun satu daerah ataupun satu bahagian, saya percaya orang ini boleh dicari. Keluarganya masih tahu dalam masa 10, 20 atau 30 tahun, masih boleh dicari orangnya. Takkan kerajaan hendak menguntungkan ataupun mengambil duit yang sepatutnya diberi kepada wakil ataupun waris yang berhak menerima Kumpulan Wang ini.

Kepada kita orang di bandar, orang yang mungkin berada, RM1,000, RM2,000 mungkin tidaklah begitu penting sangat. Tetapi kepada orang kampung RM50.00 maknanya, sekurang-kurangnya lima hari tidak payah cari makan, memang sudah cukup untuk hidup lima hari, RM10.00 satu hari. Kepada orang bandar, RM50 memang tidak kira sangat. Tambang daripada lapangan terbang sampai ke hotel sahaja Kuala Lumpur sudah hilang RM50. Jadi, kita mesti lihat nilai sumber kewangan ini bagaimana besar ertinya kepada masyarakat luar bandar yang mana sibapa ataupun siibu pernah mencarumkan dan simajikan pernah memberi sumbangan yang sama kepada tabung yang berkenaan. Apabila oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, sipekerja ini meninggal dunia dan wang yang telah dicarum dengan harapan boleh digunakan oleh sipencarum itu tidak dapat dinikmati oleh anak-anak dan pewaris-pewaris yang sepatutnya boleh menerima.

Saya berharap kalau tidak ada jalan lain, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak tahulah kalau dilantik seseorang yang berkenaan ataupun diberi komisyen oleh pihak kerajaan daripada keuntungan-keuntungan yang bakal dibuat, orang penerima tidak kisah sangat kalau dia dapat 80% dan 20% diberi kepada orang-orang lain mencari siapa penerima yang patut menerima. Kalau saya berhak menerima RM10,000 umpamanya, saya tidak pernah kenal benda ini RM10,000. Jikalau ada seorang hamba Allah datang berjumpa saya mengatakan you bakal menerima RM8,000, asal wang ini RM10,000 dan RM2,000 diberi dengan saya, oleh kerana saya susah cari, mungkin saya tidak kisah sangat orang itu. Saya mungkin berterima kasih dengan kerajaan, kerana berusaha mencari saya, walaupun RM2,000 telah keciciran, lebih baik wang ini diberi sedemikian daripada wang ini dimasukkan kepada tabung kerajaan yang mana dianggap sebagai tidak dituntut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara sedemikian banyak berlaku di kawasan luar bandar. Saya bukanlah hendak belayar ke Lautan Pasifik. Buat satu forum misalnya, SOCSO - kawan saya hendak dengar, saya belayar ke Lautan Pasifik sedikit. Bila orang itu dapat kemalangan, selepas itu diberi pampasan oleh SOCSO. Sebahagian daripadanya ialah pampasan sekaligus dan sebahagiannya pula diagih-agihkan sebagai pencen juga, diterima dalam masa beberapa puluh tahun. Tetapi jumlah wang yang diterima ialah umpamanya RM50 atau RM70. Atas meja saya masa sekarang ada dua kes. Dua orang hamba Allah daripada kawasan saya menerima pencen yang sedemikian daripada SOCSO hanya RM60. Saya berhubung dengan pegawai SOCSO memberitahu tidakkah boleh benda ini dikumpulkan diberi sekali gus ataupun dalam peringkat-peringkat. SOCSO kata "Tidak boleh. Ini adalah dasar yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan di peringkat Pusat, bukan SOCSO negeri yang boleh mengubahkannya."

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, orang ini duduk di satu kampung yang namanya Kampung Tanjung Beluku, kampung kawasan saya. Kalau dia hendak pergi ke Kuching, dua tempat ada dua cara. Satu menerusi Pejabat Daerah di Simunjan, iaitu dia kena naik bot RM10 bayar pergi Simunjan, selepas itu naik lagi kereta motor van tambang RM40 baru sampai ke Kuching. Pulang balik RM200 untuk tuntutan RM65 pencen daripada kerajaan. Saya tanya macam mana jalan murah lagi? Dia kata kalau gunakan daerah kecil Sadong Jaya, bayaran daripada Kampung Tanjung Beluku pergi ke Sadong Jaya ialah RM5. Pulang balik RM10. Daripada Sadong Jaya pergi ke Kuching tambangnya kalau naik van seorang diri RM12 pulang balik. Maknanya, RM22, tetapi dia terpaksa tidur di Kuching semalam. Kalau cari hotel murah pun RM28. RM22 campur RM28 jadi RM50. Yang dia terima tadi hanya RM65. Jadi, di mana logiknya, dia kata "Macam mana ini. Kerajaan hendak tolong saya dapat pencen, tetapi saya yang tolong van driver, tolong boat driver, tolong driver ini dapat duit. Saya terima, hendak balik, makan pun tidak dapat, sebab semua wang tadi untuk dibayar kepada motor van dan motor bot," katanya.

Ia berjumpa dengan saya, "Y.B., macam mana hendak mengatasi masalah saya". Saya berhubung dengan pihak-pihak tertentu, katanya dasar kerajaan dibuat oleh pihak Pusat, melainkan perubahan dibuat, pihak negeri insya-Allah boleh mengaturkan supaya perkara ini diubahsuai untuk masyarakat yang jauh daripada bandar. Jadi, soalnya, orang tanya, "Kenapa tidak dihantar duitnya pergi ke

Simunjan ataupun ke Sadong Jaya?" Tuan Yang di-Pertua, bank mana hendak buka di Sadong Jaya, bank mana hendak buka di Simunjan? Tidak ada bank pun, tidak cukup pelanggannya untuk buka bank di sana.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat masalah yang dihadapi oleh masyarakat di kampung yang mana menerima duit kerajaan pun susah, tak terima pun susah, ke hadapan salah, ke belakang pun salah, jadi semuanya serba salah. Saya berharap satu mekanisme, satu penyelidikan boleh dibuat supaya mengatasi masalah ini. Dalam konteks SOCSO, kalau tidak salah saya 30% daripada wang pampasan 70% dipencenkan dan 30% disekaliguskan pembayarannya. Jadi, kalau keadaan ini berlaku dengan orang kampung, kenapa pula tidak diberi, bolehkah tidak ataupun kerajaan mesti membolehkan supaya wang ini kepada orang berkenaan boleh diberi opsyen sebagaimana kita memberi opsyen kepada yang bersara dan yang menerima EPF di sini untuk menerima semua wang itu sekali gus ataupun menerima secara pencen dan penerimaannya boleh disalur mungkin lima-enam bulan sekali. Orang-orang kampung mendengar RM65 hendak juga dia pergi ke bandar hendak ambil, walaupun habisnya nanti dia kerugian kena tambang, duduk, makan semasa berada di bandar.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan tiap-tiap pemberian yang sedemikian, sama ada pencen ataupun pampasan yang menyerupai pencen sebagaimana yang telah dibuat oleh pihak SOCSO, janganlah diperketatkan sangat syaratnya. Kerana kalau kita perketatkan sangat bukan sahaja pengeluaran menjadi satu bebanan kepada pihak yang tertentu, tetapi juga tidak mendatangkan hasil kepada yang menerima sebagaimana yang diharapkan. Jadi, kalau tidak ada cara lain, mungkin kita boleh menasihatkan, dan pihak bank-bank yang ada mendapat langganan ataupun saranan daripada kerajaan sebagai managers kepada fund yang berkenaan, dibolehkan supaya orang di luar bandar tidak payah cari duit RM500 untuk buka bank akaun. Ini satu masalah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak cari duit RM500 hendak buka bank akaun, dia kata saya hendak kumpul dahulu RM65 selama satu tahun. Kalau masa satu tahun ada juga tangan ini menarik untuk berbelanja ini, sampailah penghujung RM500 tidak boleh achieve, dengan izin.

Jadi, kalau bank-bank yang menerima berjuta-juta duit kerajaan, pampasan atau pencen ini, telah menggunakan wang itu menjadi satu sumber kewangan untuk perniagaan mereka, kenapa tidak

dibolehkan supaya pegawai-pegawai yang menerima pencen sedemikian diberi secara automatik akaun dia dalam bank berkenaan dan supaya apabila pembayaran daripada kerajaan datang disalurkan terus menuju ke bank akaun. Jadi, tidak payahlah orang itu queue panjang-panjang, kadang-kadang turun pukul 7.00 pagi, tunggu hendak dapat cek di bank-bank. Jadi, masalahnya kita boleh bukan sahaja satu hari yang pihak pencen ini berurusan dengan pihak bank, tetapi sepanjang masa, dan siapa yang tidak boleh menerima, tidak 'miss'kan wang itu tetapi terus masuk ke dalam bank akaun dia, dan dia mungkin bulan baru ataupun tiga bulan selepas itu boleh mengambil wang itu lebih banyak sedikit daripada yang biasa.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat kepada beberapa option, beberapa cara yang mungkin mendatangkan kesenangan kepada pihak penerima ini. Kerana kalau kita tidak buat sedemikian, kita takut yang penerima ini tidak mendapat nikmat daripada apa yang telah mereka harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak lihat rang undang-undang ini sedikit. Saya hendak bertanya, semasa kerajaan mengubah struktur pencen pada tahun 1995, yang sudah menjadi efektif pada tahun 1997, adakah juga terlibat semua pegawai kerajaan, semua pegawai pihak berkuasa berkanun dan pegawai tempatan dan juga wakil rakyat sama ada di Parlimen ataupun di peringkat Dewan Undangan Negeri.

Jadi, kalau tidak saya berharap pihak kerajaan melihat juga supaya perubahan yang berlaku dalam struktur pencen yang diterima oleh pihak kerajaan diberi juga kepada pihak berkanun, pihak tempatan dan wakil-wakil rakyat yang bakal dapat pencen mereka. Jadi, kalau tidak dibuat sedemikian, saya juga berasa sedih kepada pihak yang mungkin rasa mereka tidak mendapat layanan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan meminda akta ini memanglah baik, oleh kerana pihak yang berkenaan diberi peluang sama ada menerima terus sebagai pensioner ataupun menjadi penerima Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi soalnya yang mungkin belum berapa jelas kepada saya, jikalau seseorang itu hanya membuat perubahan ataupun membuat keputusan untuk berpindah daripada pegawai pencen kepada pegawai yang menerima wang daripada tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam masa satu tahun, bahkan dia sudah berkhidmat selama 20 tahun. Jadi, semasa

pencennya nanti dari peringkat manakah kerajaan menilai wang pendapatannya, adakah daripada masa dia membuat opsyen ataupun nilai yang sepatutnya yang dia terima semasa kalau dia membuat opsyen sebagai pencen semasa servis selama 20 tahun sebelum itu diambil kira untuk menilaikan berapa banyakkah yang dia akan terima semasa pencennya nanti ataupun tamat perkhidmatannya nanti.

Jadi, kalau perkara ini tidak diambil kira, ada kemungkinan kita melihat orang yang telah berkhidmat selama 20 tahun umpamanya dan dia membuat satu opsyen untuk menerima Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan selepas sepuluh tahun dia tamat pekerjaan, kalau simpanan dalam masa sepuluh tahun yang terakhir itu sahaja dikirakan, dengan sendirinya perkhidmatan 20 tahun yang sebelumnya tidak diambil kira oleh kerajaan dan dia mungkin berasa ini adalah satu penindasan. Jadi, saya berharap pihak kerajaan juga melihat keadaan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang sedemikian saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Gelang Patah.**

**4.34 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan kepada Akta Pencen (Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan) 1980 iaitu dinamakan Akta Pencen (Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan) (Pindaan) 1997 yang mana saya yakin dan percaya ia akan dapat memberikan manfaat kepada kakitangan di pihak-pihak berkuasa tempatan yang mana dengan mengadakan Seksyen 6E yang dicadangkan itu akan membolehkan pekerja berpencen di pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun untuk memilih terus daripada skim pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja selepas pindaan ini dikuatkuasakan. Dan pihak berkuasa tempatan atau berkanun boleh dibenarkan menerima pilihan yang dikemukakan oleh kakitangan di pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum bahawa sebelum tahun 1980, kebanyakan kakitangan di pihak berkuasa tempatan memang jatuh di bawah Skim Gaji Harun di mana pada masa itu memang mereka membuat caruman kepada KWSP dan pada masa itu kebanyakan pihak

berkuasa tempatan adalah berbentuk majlis tempatan atau majlis bandaran dan staf mereka pun tidak begitu ramai dan seperti kita sedia maklum bahawa selama ini pihak berkuasa tempatan fungsi mereka adalah lebih kepada perkhidmatan awam seperti perkhidmatan mengangkat sampah, pelupusan sampah, membersihkan parit di tepi jalan, kerja memotong rumput di tepi jalan serta kerja-kerja mengangkat najis kerana pada masa itu adalah menggunakan sistem 'bucket' sistem untuk perkhidmatan mengangkat najis.

Pada masa itu pendapatan staf pihak berkuasa tempatan jika dibandingkan dengan kakitangan kerajaan yang menerima pencen pada masa itu adalah kurang baik daripada apa yang diterima oleh kakitangan yang menerima pencen dan selepas Akta Pencen (Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan) 1980 dikuatkuasakan pada masa itu semua kakitangan di pihak berkuasa tempatan diberikan opsyen tawaran sama ada memilih pencen atau teruskan dengan caruman kepada KWSP dan boleh dikatakan pada masa itu bila tawaran diberikan, ramai kakitangan kerajaan pening kepala, yang mana satu yang hendak dipilih, tetapi kerana mereka diberikan tarikh untuk memilih sama ada hendak memilih pencen atau KWSP, kebanyakan daripada kakitangan pihak berkuasa tempatan memilih cara pencen dan dengan perubahan yang dicadangkan ini, saya fikir ini adalah satu cara yang cukup baik supaya untuk mereka yang pada masa itu memilih KWSP sahaja, sekarang boleh memilih pencen dan lanjutkan bayaran kepada KWSP dan apabila mereka bersara mereka akan dapat menerima pencen dan faedah daripada KWSP dan ganjaran yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, memang selama ini pihak berkuasa di negara kita ini boleh dikatakan semuanya menghadapi masalah kekurangan kakitangan dan terutama di pihak berkuasa tempatan, di Dewan Bandaraya, seperti di Bandaraya Johor Bahru dan di Majlis-majlis Daerah yang berdekatan dengan bandar besar seperti Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

Saya membuat satu misalan seperti di Majlis Daerah Johor Bahru Tengah yang mana pihak berkuasa tempatan ini cuma mempunyai dua orang Inspektor Kesihatan sahaja, seorang menjaga bahagian kebersihan iaitu perkhidmatan kebersihan bandar dan seorang ditugaskan untuk menjaga kerja perlesenan dan kesihatan dan lain-lain kerja yang berkaitan dengan kesihatan.

Pihak berkuasa tempatan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah ini sangat besar kawasannya dan memang dengan dua orang Inspektor Kesihatan, mereka tidak dapat menjalankan tugas yang sepatutnya diberikan. Oleh yang demikian, ada kerja-kerja yang sepatutnya dijalankan oleh Inspektor Kesihatan dilaksanakan oleh Pengawas Kesihatan atau dinamakan Pengawas Bandar. Pengawas Bandar tugas mereka adalah untuk mengawasi tugas-tugas yang dijalankan oleh pekerja mengangkat sampah atau pelupusan sampah, kerja memotong rumput dan membersihkan parit di tepi jalan. Mereka tidak ada latihan perundangan, tidak ada latihan teknikal bagaimana cara memeriksa premis makanan atau premis-premis industri.

Oleh yang demikian ini sudah mendatangkan satu perkara yang sangat tidak adil kepada Pengawas Kesihatan ini kerana mereka cuma menerima gaji Pengawas Kesihatan tetapi tugas mereka adalah tugas Inspektor Kesihatan dan oleh yang demikian ini sudah mendatangkan banyak peluang kepada pihak pembangkang untuk mengkritikkan pihak berkuasa tempatan, pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah tentang kadang-kadang kerja yang dijalankan tidak mengikut peraturan undang-undang, seperti mereka mengawas kesihatan, memeriksa kedai dan kerana mereka tidak faham tentang cara pemeriksaan dan peruntukan undang-undang yang patut dijalankan, kadang-kadang dikeluarkan kompaun kepada peniaga-peniaga dengan memberikan dalam kertas kompaun itu seksyen undang-undang yang salah.

Oleh yang demikian Pengawas Kesihatan pun tidak dapat melanjutkan tugas untuk menjalankan tindakan undang-undang dengan memberikan saman kepada sesiapa yang gagal membayar bayaran kompaun kerana di bawah Compounding Offence By-Law, dengan izin, memang sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan dalam undang-undang kecil yang terkandung dalam Akta Kerajaan Tempatan, Akta 171 memang seperti Anti Litter By-Law, jika didapati seseorang membuang sampah boleh dikeluarkan tawaran kompaun tetapi bila kompaun itu tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari atau satu bulan, tindakan mahkamah, tindakan saman boleh dijalankan, tetapi oleh kerana Pengawas Kesihatan, mereka bukan seorang pegawai yang terlatih dari segi undang-undang, mereka memang tidak boleh membuat saman kepada pesalah dan kerana bukan Inspektor Kesihatan yang menjalankan kerja itu, memang sukar untuk kerja-kerja mengambil tindakan penguatkuasaan dijalankan dan ini telah menimbulkan satu masalah.

Dan yang kedua, baru-baru ini - saya beri misalan, di kawasan Taman Purling, sebelum tahun 1994 lesen-lesen iklan dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru kerana pada masa itu kawasan itu di bawah Majlis Bandaraya Johor Bahru dan lesen-lesen iklan peniaga di sana memang sudah dikeluarkan tetapi dalam tahun 1995 kawasan itu di bawah jagaan pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah - sudah mendatangkan satu masalah yang mana peniaga perlu memohon lesen.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Saya tertarik dengan hujah Gelang Patah yang sungguh baik, lebih baik daripada DAP saya nampak. Tadi Yang Berhormat nampak kurang puas hati dari segi usaha penguatkuasaan majlis tempatan tentang kekotoran di bandar. Kita baca dalam akhbar pada hari ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kurang puas hati dengan kekotoran di Bukit Bintang. Ini mungkin kerana penguatkuasaan oleh Majlis Bandaraya Kuala Lumpur. Apakah pandangan Yang Berhormat, sama ada hendak ditambah lagi peruntukan-peruntukan yang ada dalam undang-undang yang ada untuk majlis ini supaya tidak timbul lagi perkara-perkara yang Yang Berhormat sendiri bangkitkan tadi dan juga seperti yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam surat khabar kita pada hari ini.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Saya akan bahas tentang masalah kekotoran yang hari ini sudah menjadi 'headline' kerana tadi saya bahas tentang lesen iklan di kawasan Taman Purling. Saya akan jawab nanti.

Semasa di bawah pihak berkuasa Majlis Bandaraya Johor Bahru, lesen iklan boleh dikeluarkan di bawah peraturan Undang-undang Kecil Iklan dan selepas masuk kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah, mereka pohon lesen itu pada tahun 1995 dengan lesen premis. Lesen premis dikeluarkan kerana pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah berpandu kepada lesen yang dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru yang mengeluarkan lesen selama ini tetapi kerana kekurangan pegawai teknikal dan kekurangan pegawai di bahagian iklan kerana bahagian itu tidak diasingkan pun di bawah bahagian lesen dan dua tahun permohonan lesen tidak diproseskan

walaupun peniaga sudah memohon dengan wang proses RM20 tetapi tidak diproseskan dan baru-baru ini pengawas kesihatan boleh mengambil tindakan untuk memberikan notis roboh kepada papan-papan iklan untuk kedai-kedai elektrik di Taman Purling yang mana mereka kata papan iklan itu sangat besar, perlu diturunkan dan dibuat satu papan iklan yang baru.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, menurunkan papan iklan untuk perniagaan yang sedia ada, ini adalah pantang terutama kepada kaum peniaga walaupun kaum Cina, India atau Melayu. Kalau sudah berniaga, papan iklan kalau diturunkan itu sudah menjadi tanda yang kurang baik. Oleh yang demikian, saya harap staff pihak berkuasa tempatan perlu berjaga-jaga tentang kes-kes yang memberikan notis sesuka hati kepada peniaga-peniaga supaya menurunkan papan iklan kerana selama ini mereka ada lesen daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru. Kenapa bila di bawah kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah tidak diproses permohonan mereka tetapi diarahkan melalui notis untuk dirobuhkan dalam tempoh tiga bulan?

Saya dapat banyak aduan daripada mereka - lebih kurang 50 peniaga datang ke pusat perkhidmatan saya dan saya mengambil tindakan serta-merta dengan Ahli-ahli Majlis daripada MCA berjumpa dengan Setiausaha dan Yang di-Pertua Majlis Daerah Johor Bahru Tengah membayangkan bahawa cara ini adalah satu cara yang tidak adil kerana semasa kita menggubal Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan 1996 (Akta 171) tujuan kerajaan untuk memansuhkan Town Board Enactment dan memansuhkan undang-undang kecil Town Board By-laws adalah untuk menyeragamkan semua undang-undang untuk pihak berkuasa kerajaan tempatan. Oleh yang demikian, apa yang dikatakan oleh pengawas kesihatan yang mengambil tindakan untuk memberikan notis itu memang tidak boleh diterima kerana walaupun dua pihak berkuasa dengan nama yang berlainan, tetapi kandungan Undang-undang Kecil Iklan kedua-dua pihak berkuasa itu lebih kurang sama, cuma nama sahaja berlainan. Untuk Bandaraya Johor Bahru ialah Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Bandaraya Johor Bahru) dan untuk Majlis Daerah Johor Bahru Tengah iaitu Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Johor Bahru Tengah).

Memang peniaga-peniaga atau orang awam tidak boleh menerima alasan daripada pihak berkuasa tempatan bahawa iklan itu perlu diturunkan. Oleh

yang demikian, saya sangat berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua serta Setiausaha Majlis Daerah Johor Bahru Tengah itu untuk membatalkan notis itu tetapi malangnya saya diberitahu cuma diberikan tempoh sampai akhir tahun - tahun 1998 iaitu 31hb. Disember, 1998 peniaga-peniaga yang dikenakan notis itu mesti mengubahsuai atau menurunkan papan iklan mereka.

Saya harap Biro Pengaduan Awam dari Jabatan Perdana Menteri, kalau boleh siasat kes ini supaya ini tidak akan menjadi satu isu oleh parti pembangkang untuk memancing undi pada pilihan raya akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rompin sekarang tidak ada di sini, sekarang saya hendak sentuh tentang masalah kekotoran di pihak-pihak berkuasa tempatan di bandar-bandar besar. Ini adalah kerana pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, selepas tahun 1986 tidak menunaikan permintaan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk mengisi kekosongan kakitangan dan pegawai di pihak berkuasa tempatan dan ini sudah menjadikan satu masalah bahawa daripada pegawai atasan hingga kakitangan bawahan, mereka menghadapi masalah. Tanpa kakitangan yang mencukupi bagaimana mereka dapat menjalankan kerja dengan baik.

Kita sering mendapat aduan tentang kawasan tempat menanam sampah sentiasa kotor, berbau dan menyebabkan kebakaran dan lain-lain. Ini bukan satu masalah method, method sanitary landfill memang betul tetapi masalah pengurusan dan kekurangan kerjasama antara pegawai teknikal dan pegawai atasan pentadbiran dan kewangan. Jika sesuatu tapak menanam sampah itu tidak dibekalkan dengan .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:**  
[Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan bangun, ya.

**Tuan Chang See Ten:** Biar saya habiskan, nanti saya lupa. Terima kasih ya, sebentar. Tidak dibekalkan dengan tanah atau pasir, simpan di sana, longgok di sana. Bila sampah-sampah diangkat ke tapak itu, ditanam, diratakan, di 'compact' dan tiap-tiap enam inci sampah itu disembur dengan 'insecticide' selepas itu ditambak oleh trektor dengan enam inci tanah atau pasir. Jika ini dibuat dengan betul memang tidak ada bau dan tidak ada masalah kebakaran kerana tidak ada tempat untuk ada methane di bawah tanah itu yang mana bila musim panas dengan sendirinya akan berlaku kebakaran di bawah

tanah, panggil bomba datang pun tidak guna kerana susah hendak cari di mana yang terbakar. Sebab itu ada masalah iaitu masalah pengurusan, masalah kekurangan kerjasama daripada para pentadbir dan para pegawai dari kewangan kepada pegawai teknikal dan jika pegawai teknikal itu adalah pengawas kesihatan atau mandor sahaja untuk mengawas kerja itu memang tidak dapat satu hasil yang baik. Kita perlu pegawai yang mempunyai pengalaman atau dilatih seperti Inspektor Kesihatan.

Oleh yang demikian, kita sekarang ada banyak saranan atau cadangan - gunakan incineration. Incineration tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kita sekarang kerana kosnya sangat tinggi. Bila diswastakan ia akan menjadi satu beban kepada orang awam. Oleh yang demikian, saya harap pihak JPA perlu mengisikan kekosongan di pihak-pihak berkuasa tempatan. Dari segi pihak penguatkuasaan undang-undang, memang kita harap dapat kerjasama daripada orang awam supaya mempunyai perasaan tanggungjawab sosial. Jangan membuang sampah merata-rata tetapi yang penting pihak berkuasa tempatan perlu mempunyai kakitangan yang cukup untuk menjalankan kerja penguatkuasaan. Bila pegawai memakai pakaian seragam untuk menangkap orang yang membuang sampah, orang tidak akan membuang sampah. Orang akan membuang sampah pada waktu malam di mana pegawai tidak bertugas dan oleh yang demikian kita sentiasa dapati banyak sampah dibuang di tepi jalan, di dalam parit atau di dalam sungai.

Oleh yang demikian, pada hari ini ada 'headline' dalam surat khabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita semua kasihi pun tidak puas hati. Kekotoran sudah memalukan negara kita. Tuan Yang di-Pertua .....

**Seorang Ahli:** Yan, yan.

**Tuan Chang See Ten:** Yan, cukup?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:**  
[Mengangguk kepala]

**Tuan Chang See Ten:** Okay. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyentuh tentang kemungkinan kerja-kerja angkat sampah dan pelupusan sampah akan diswastakan walaupun undang-undang untuk tujuan itu belum dikemukakan. Tetapi di sini saya harap bila Kerajaan Pusat ingin ambil alih kerja angkat sampah dan pelupusan sampah yang selama ini memang fungsi utama pihak berkuasa tempatan dan kakitangan-kakitangan pihak berkuasa tempatan kebanyakannya adalah daripada Unit Kebersihan Bandar. Bila

penswastan dijalankan, kemungkinan besar pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai yang bertugas di bahagian kebersihan ini akan ditawarkan untuk memilih menyertai konsortium yang akan ambil kerja penswastan itu.

Kerana saya difahamkan, bila penswastan dijalankan, konsortium bukan akan menawarkan kerja kepada staf-staf pihak berkuasa tempatan, mereka pun akan ambil alih semua lori sampah, compact master, traktor, tempat-tempat menanam sampah dan lain-lain. Saya harap bila ini dijalankan, kepentingan mereka perlu diambil berat.

Saya harap pihak kerajaan dapat memberikan segala pertimbangan kepada ANULAE yang mewakili kebanyakan kakitangan dan pekerja pihak berkuasa tempatan kerana selama ini ANULAE yang memperjuangkan kepentingan kakitangan-kakitangan di pihak berkuasa tempatan. Kita harap dengan penswastan ini bukan satu beban kepada rakyat jelata di negara kita ini kerana daripada apa yang kita dapati, dengan penswastan pembetungan kepada IWK sudah mendatangkan banyak masalah kepada kita. Kita harap dengan apa yang timbul semasa penswastan IWK, pihak kerajaan pusat dapat meneliti tentang penswastan sampah sarap ini.

Saya ingin beritahu dalam Dewan yang mulia ini, pada tahun 1995, saya ada menghadiri satu seminar di Hotel Regent, Kuala Lumpur yang dijalankan oleh pakar-pakar tentang solid waste management, dengan izin, dijalankan oleh pakar-pakar dari Jerman. Dalam seminar itu saya berbincang dengan mereka tentang kebaikan dan keburukan penswastan solid waste management untuk satu negara. Saya ingin ambil peluang keemasan ini beritahu kepada kita semua dalam Dewan yang mulia ini, mengikut pakar dari Jerman, negara itu dari segi kawalan alam sekitar dan solid waste management, mereka memang unggul dalam hal ini.

Setakat ini mereka tidak berani hendak menswastakan sampah sarap keseluruhannya. Mereka masih memberikan tugas kepada county council. County council adalah seperti pihak berkuasa tempatan. Mereka kata, lebih baik beri kepada county council, lebih kompetitif, kerana county council ada kakitangan sendiri, ada kelengkapan sendiri, lori sendiri, mereka selama ini setelah diwujudkan, sudah menjalankan kerja dengan memuaskan, cuma ada kekurangan sedikit iaitu kekurangan staf. Oleh yang demikian, mereka terpaksa ambil kontraktor. Tetapi dengan

mengambil kontraktor, mereka dapat jalankan kerja dengan baik iaitu jika kontraktor gagal menyempurnakan syarat-syarat dalam kontrak itu, pihak county council ada staf sendiri, mereka serta-merta dapat aduan, boleh hantar lori dengan pekerja angkat sampah dan selesaikan aduan itu. Tetapi jika diswastakan kesemuanya, kemungkinan jika kontraktor tidak dapat jalankan tugas dengan sempurna, pada masa itu pihak berkuasa tempatan atau county council akan menolak kerja ini, mereka cakap, 'ini bukan saya punya tugas lagi, ini tugas kontraktor kerana sudah diswastakan'. Apa-apa aduan, mereka tidak akan terima.

Kerana selama ini dengan memberikan pihak berkuasa tempatan, mereka ada menguatkuasakan undang-undang kecil seperti Anti-Litter By-Law dan undang-undang yang lain dan mereka ada staf untuk kerja angkat sampah dan pelupusan sampah, mereka boleh kerjasama dan orang awam (public) pun takut kepada mereka kerana mereka ada kuasa. Pengawas Kesihatan atau Inspektor Kesihatan ada diberikan kuasa oleh Yang di-Pertua untuk menguatkuasakan undang-undang itu, tetapi bila diswastakan, pihak berkuasa tempatan tidak akan campur tangan lagi. Jika mereka ditugaskan, mereka pun akan elakkan kerja itu. Mereka akan sentiasa beritahu kepada orang awam bahawa ini adalah kerja konsortium itu. Kerana baru-baru ini bila penswastan pembetungan diberikan kepada IWK, orang awam mengadu kepada pegawai pihak berkuasa tempatan dan mereka kata, 'kita tidak ada jaga lagi, ini sudah diswastakan, ini adalah kerja IWK'.

Jika kita banding pada masa yang lalu, bila ada apa-apa aduan tentang gangguan kesihatan, gangguan bau najis, pihak berkuasa tempatan tidak boleh elakkan tugas itu, mereka perlu hantar Inspektor Kesihatan pergi periksa dan kenal pasti apa masalah dan berikan notis atau ambil tindakan yang sewajarnya untuk membaiki dan menghapuskan gangguan kesihatan itu. Tetapi pada masa sekarang tidak ada lagi, mereka semua tumpu kepada IWK. Tetapi apa yang dilaksanakan oleh IWK pada masa sekarang, belum memuaskan lagi. Ini sudah menjadikan satu masalah besar kepada kita dan negara kita.

Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sudah sentuh tentang kekotoran di negara kita ini. Saya khuatir pada satu hari Yang Amat Berhormat akan sentuh tentang kekotoran kerana masalah najis. Saya harap kita perlu ambil perhatian tentang kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tugas kebersihan sampah sarap dan pemetungan, pihak berkuasa tempatan pun ditugaskan - ini adalah fungsi mereka yang penting, iaitu membersihkan parit di tepi jalan dan membersihkan atau memotong rumput di tepi jalan. Saya harap kerja ini tidak akan diwastakan. Saya dengar ada cadangan, jika selepas penswastaan kerja sampah sarap ini, kerajaan kemungkinan akan menswastakan kerja membersihkan parit di tepi jalan dan memotong rumput di tepi jalan. Saya harap kerja ini masih dikekalkan kepada pihak berkuasa tempatan supaya seperti yang saya katakan tadi, apa yang dikatakan oleh pakar-pakar dari Jerman bahawa negara itu yang moden, pada masa sekarang pun tidak berani hendak menswastakan sampah sarap dan kerja potong rumput atau kerja membersihkan parit di tepi jalan.

Di sini saya ingin sarankan, apa yang sudah dibina sudah lepas, kita cuba baiki, tetapi dengan mengetatkan peraturan-peraturan pembinaan parit di tepi jalan dan memberikan syarat-syarat kepada pemaju supaya kurangkan tepi jalan yang berumput, membina tepi jalan itu dengan ada tempat pejalan kaki supaya kurangkan tempat yang ada tumbuh rumput, kita akan kurangkan kerja potong rumput. Bila parit-parit di tepi jalan dibina dengan baik, dengan gradient yang baik, jika orang awam masih tidak mempunyai perasaan tanggungjawab, masih membuang sampah-sampah di dalam parit itu, akan dibersihkan oleh air semasa hujan atau air daripada rumah-rumah yang semasa mengalir, sampah-sampah itu akan tersangkut di sump dan kerja-kerja membersihkan sampah itu boleh dibuat di sumps yang berada di semua tempat.

Saya harap pihak berkuasa tempatan jangan tutup semua parit di tepi jalan. Saya dapati sekarang ada banyak pihak berkuasa tempatan tutup parit tepi jalan, sampai tidak ada tempat untuk membersihkan sampah sarap. Dengan cara menutup demikian, sudah menyebabkan banyak gangguan bau busuk. Tadi saya masuk Dewan, tetapi ini bukan kerana parit, kemungkinan tandas di Dewan Rakyat ini sudah tersumbat, staf di Bahagian Kewangan sana sudah tidak boleh tahan, mereka mengadu kepada saya bahawa ini ada bau busuk, memang tidak boleh tahan. Oleh yang demikian, saya ambil peluang ini supaya pihak Parlimen ini ambil teliti tentang masalah bau busuk yang timbul pada hari ini, kemungkinan ada apa yang tersumbat dalam paip-paip najis.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, di sini saya ada saranan lagi supaya pihak JPA dapat timbang semula kepada permohonan mengisi

kekosongan di pihak berkuasa tempatan supaya mereka bukan sahaja ada jabatan-jabatan yang penting seperti pejabat kesihatan, pejabat bangunan, jalan dan parit, pentadbiran, kewangan dan penilaian, saya harap pihak berkuasa tempatan perlu wujud Unit Kawalan Tikus dan Serangga, Unit Kawalan Mutu Makanan dan tambahan pegawai-pegawai yang terlatih. Kerana jika kita tidak mempunyai unit-unit ini, pihak berkuasa tempatan tidak akan dapat memberikan kerjasama kepada Kementerian Kesihatan untuk menjalankan tugas kawalan tikus dan serangga serta kawalan mutu makanan.

Baru-baru ini kita sudah dapat banyak maklumat betapa serius masalah demam denggi berdarah yang disebabkan oleh vektor nyamuk Aedes. Ini adalah kerana kita tumpu kepada Pejabat Kesihatan dan Pejabat Kesihatan pun menghadapi masalah kekurangan kakitangan, mereka perlu jaga kawasan di luar bandar. Dalam kawasan bandar, mereka sangat berharap kepada pihak berkuasa tempatan supaya mereka ada unit ini dengan kakitangan yang cukup dapat memeriksa dari rumah ke rumah serta memberikan pendidikan kesihatan kepada penduduk-penduduk untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan pihak kesihatan untuk menghapus atau mengurangkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Untuk kawalan mutu makanan, jika pihak berkuasa tempatan tiada unit ini, mereka tidak akan dapat kerjasama dengan pihak pejabat kesihatan untuk mengawal mutu makanan dan minuman di negara kita ini. Oleh yang demikian, saya harap pihak Jabatan Perdana Menteri dapat ambil perhatian tentang permintaan saya.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dengan kata-kata demikian, kerana ada ramai hendak bercakap lagi, saya sekali lagi ingin ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana berikan peluang kepada saya dan saya memang sokong pindaan akta ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.

5.15 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menggunakan masa yang banyak. Rang undang-undang ini merupakan satu langkah yang baru untuk melaksanakan sistem pencen selain daripada sistem pencen perkhidmatan awam sekarang. Lebih kurang 820,000 kakitangan

kerajaan sekarang dibenarkan memilih untuk terus berada dalam sistem Perkhidmatan Awam yang sedia ada atau memilih skim pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kini berbilion-bilion ringgit wang rakyat telah dibayar setiap tahun untuk pencen bagi lebih 300,000 bekas kakitangan kerajaan yang bersara pada umur 55 atau secara opsyen. Jumlah ini akan bertambah setahun demi setahun. Umur orang-orang Malaysia, life expectancy, dengan izin, telah meningkat kepada 72 tahun, dan pada awal abad yang ke-21 ia akan bertambah kepada lebih 80 tahun.

Bebanan bayaran pencen akan menjadi lebih tinggi. Jika sekiranya usia bersara dinaikkan daripada 55 kepada 65 tahun, bebanan pencen mesti dapat dikurangkan. Saya faham kalau kita hendak naikkan umur bersara daripada 55 tahun kepada 65 tahun memang akan timbulkan pelbagai masalah. Memang susah, tetapi kita mesti bermula daripada sekarang. Memandangkan kekurangan tenaga kerja di negara ini umur bersara yang ditetapkan pada 65 tahun akan membantu menyelesaikan sebahagian daripada masalah kekurangan tenaga kerja ini. Saya faham bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan surat pekeliling menggalak pesara supaya menceburkan diri di dalam sektor swasta. Justeru itu, diharapkan kekurangan tenaga pekerja dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, setakat mengeluarkan surat pekeliling yang sedemikian adalah tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato' Dr. Mazlan Ahmad telah mengatakan pada tahun lalu bahawa Skim Pencen Malaysia adalah lebih murah hati, more generous, dengan izin, daripada kerajaan-kerajaan Singapura dan British, tetapi terdapat sungutan-sungutan daripada setengah-setengah pesara. Misalnya ada yang berpendapat bahawa pencen minimum haruslah dinaikkan daripada RM180 sebulan kepada RM500 sebulan. Adalah wajar bahawa sistem Pencen Perkhidmatan Awam juga dikaji semula sesuai dengan perkembangan zaman, kerana wujudnya beberapa masalah yang setakat ini tidak dapat diatasi. Begitu juga dengan Sistem Saraan Baru (SSB) yang dikuatkuasakan kira-kira sudah lima tahun, tetapi SSB memang menimbulkan pelbagai kebimbangan dan kekecewaan. Untuk mengatasi kebimbangan dan kekecewaan ini, pihak kerajaan wajib menggubalkan semula SSB untuk memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang wujud.

Tuan Yang di-Pertua, memperlihatkan kakitangan kerajaan boleh memilih menyertai KWSP, kita patutlah menelaah sistem pencen KWSP yang

memperolehi bilangan pencarum lebih daripada 8 juta orang dan jumlah asetnya telah mencatat RM107 bilion. Dengan aset begitu besar dan dengan bilangan yang begitu ramai dan dengan keizinan diberi kepada kakitangan kerajaan untuk menyertai KWSP, nescaya bilangan pencarum akan meningkat. Sejak bulan November 1994 sistem pencen KWSP adalah dibahagikan kepada tiga akaun, iaitu 60% jumlah simpanan di dalam akaun KWSP boleh dikeluarkan ketika bersara, 30% untuk perumahan dan 10% untuk perubatan. Tetapi seseorang itu mestilah mempunyai simpanan minimum RM12,000 dalam akaun KWSP barulah dia boleh mengeluarkan bayaran minimum RM200 sebulan untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pelbagai masalah tertimbul apabila pencarum-pencarum KWSP mencapai umur bersara. Dengan wang simpanan yang begitu banyak, ada setengah-setengah tidak mempunyai pengetahuan ataupun tidak pandai untuk mengurus wang. Ada yang keluar dengan sekaligus dan kemudian pelaburannya adalah tidak tepat sehingga ada sebahagiannya hilang wang sama sekali. Apakah yang boleh kita buat? Sebenarnya ada banyak masalah lagi mengenai pesara pencarum KWSP yang timbul, tetapi kita tidak ada masa kerana ada Yang Berhormat dari Jelebu juga yang hendak berucap. Saya beri dia peluang. Saya beri peluang kerana dia hendak berucap tadi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Cakaplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak cakap, banyak lagi hendak saya timbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kita mesti kaji sistem pencen KWSP ini. Sebab dengan hasrat kita mencapai Wawasan 2020 kita mesti ada sistem pencen yang berwawasan juga. Apa yang disebutkan sebagai pencen berwawasan ialah kita mesti kaji skim-skim yang wujud bukan sahaja di Singapura, di India, di German, United Kingdom, Australia dan banyak lagi negara yang mempunyai sistem - life social insurance scheme. Memang di negara-negara ini termasuk di Britain ada kelemahan, dan kita tidak mahu kelemahan seumpama ini di negara kita. Saya diberitahu bahawa pihak KWSP dan juga Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah naungan United Nation Development Programme (UNDP) sedang buat kajian terhadap skim seumpama ini. Saya pun tidak tahu bila kajian ini akan diselesaikan dan bila akan dibentangkan di Parlimen ini.

Kita perlu melihat kajian ke atas skim pencen ini, skim insurans sosial ini, sebab kalau ada skim yang lebih sempurna kita boleh kurangkan wang bayaran bebanan pencen kita. Bagi semua Ahli Yang Berhormat, saya percayalah semua akan berminat untuk mengetahui setakat mana kita dapat mengurangkan bebanan pencen rakyat dan juga setakat manakah skim yang bakal dilaksanakan akan memberi manfaat sepenuhnya kepada pesara-pesara di negara ini tanpa menambahkan bebanan kepada belia-belia ataupun orang muda di negara ini. Itulah masalah. Dengan negara yang maju, negara yang mencapai tahap hidup yang kian lama kian tinggi, ini bermakna orang muda terpaksa menanggung bebannya, terpaksa membayar pencen dan perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin satu caranya untuk mewujudkan dana khas bagi menangani wang pencen ini mungkin bukan sahaja daripada KWSP, bahkan juga daripada sistem pencen Perkhidmatan Awam. Dengan wujudnya dana central fund, kita boleh membenarkan mereka mengeluarkan simpanan, mungkin 40% daripada wang yang disimpan di dalam dana ini ketika bersara. Maksud saya bersara pada umur 65, bukan pada 55 tahun. Mungkin 60% pencen ini disimpan dalam dana ini. Daripada dana khas ini bayaran bulanan sepanjang hidup boleh diadakan. Kalau bersara pada umur 55, ini bermakna kalau seseorang hidup sampai 80 tahun kita terpaksa bayar 25 tahun. Tetapi kalau dia bersara umur 65, hanya 15 tahun. Ini memang akan menguntungkan negara ini dan akan menguntungkan orang-orang muda. Walau bagaimanapun, itulah cadangan saya untuk mengkaji semula menelaah semua sistem yang ada sekarang dan juga berbanding dengan skim-skim yang dilaksanakan di negara-negara lain seperti Britain, Singapura dan India.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Gelang Patah tadi, walaupun kita mahu semua kakitangan kerajaan 820,000 ini dapat pencen yang baik dan dapat satu sistem pencen yang sempurna, kita juga berharap semua kakitangan akan bekerja dengan lebih baik. Kita mesti jaga satu keseimbangan untuk semuanya. Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang ada tengok keadaan yang sebenarnya bukan sahaja di Jalan Bukit Bintang, bahkan di banyak tempat di seluruh negara. Di Wilayah Persekutuan pun semua kawasan, 10 kawasan pilihan raya Parlimen, bahagian pilihan raya Parlimen, semua kawasan saya boleh kata ada

tempat-tempat yang lebih dahsyat lagi daripada yang diwujudkan di Bukit Bintang.

Ini bermakna pihak berkuasa tempatan memang mempunyai kelemahan-kelemahan yang wujud dan perlulah bagi pihak kerajaan mengkaji apakah kelemahan-kelemahan ini bagi lebih 150 pihak berkuasa tempatan, bukan sahaja dari segi menyelesaikan masalah sampah sarap, saya bersetuju masalah sampah sarap ini wujud kerana faktor-faktor yang tertentu, bukan sahaja keberkesanan untuk memungut sampah sarap bahkan juga kekurangan kesedaran sivik orang Malaysia.

Dan kita memang perlu mengkaji semula semua faktor ini supaya ....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yan bangun Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yan? Di Yan, pihak berkuasa tempatan itu kecil sangat. [Ketawa] Oh, hendak minta jalan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hendak beri atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Okay.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dia tidak biasa pergi Yan hendak cakap besar. Yan sudah menjadi bandar metropolitan sedikit hari lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong, apakah kita sebagai wakil rakyat dalam kawasan tidak boleh menjaga kebersihan. Tadi saya telah bercakap dengan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, dia kata ini tanggungjawab saya untuk membersihkan Bukit Bintang.

Jadi, Kepong ini saya difahamkan kawasan yang kedua kotornya daripada Bukit Bintang. Jadi, apakah Ahli Yang Berhormat juga akan bersama-sama membersihkan kawasan Ahli Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, baik kita cucikan kekotoran di kawasan Yan kerana itu paling dahsyatlah setahu saya, lebih dahsyat daripada Bukit Bintang. Satu kawasan yang walaupun ada bukit bukau yang indah tetapi ada setengah manusia termasuk Yan yang tidak menjaga kebersihan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, niat jahat itu. *[Ketawa]*

Pertamanya, saya hendak beritahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Yan ini adalah mini Switzerland di Malaysia akan mempunyai tangga yang paling banyak di dunia, sebanyak 560 anak tangga daripada kaki Gunung Jerai hingga ke puncak Gunung Jerai. Kawasan Ahli Yang Berhormat mana ada?

Jadi, Ahli Yang Berhormat kata Yan ini tidak bersih, tengoklah saya Wakil Rakyat Yan sama ada bersih atau tidak. Ahli Yang Berhormat sendiri pun tidak tahulah kot itu sudah berapa kali tidak 'dry cleaning', saya hantar selalu. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Berapa tangga 'thirty nine steps to join buckon'. Is that right?

**Seorang Ahli:** Ya. Dia tidak faham?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tidak tahulah dia faham atau tidak. Yan yang dia tahu ada bukit bukau sahaja, setakat itu yang kita tahu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Yan mempertimbangkan keperluan bagi menyiasat kelemahan-kelemahan bukan sahaja di daerah Yan sahaja bahkan di seluruh negara, lebih 150 pihak berkuasa tempatan termasuk Yan. Kita hendak tahu mengapa ada kelemahan. Kemudian, kita bantangkan kertas kajian semula itu, satu laporan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini dengan kajian yang komprehensif, yang menyeluruh untuk mengetahui segala-gala kelemahannya termasuk kekotoran yang wujud seperti di Bukit Bintang dan kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke Yan, dia akan merasa lebih kecewa daripada di Bukit Bintang. Itu masalah kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berjanji dan saya akan menunaikan janji saya dan walaupun saya ada mempunyai banyak point lagi untuk diterangkan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi setakat itu kita hendak bersama-sama .....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada banyak masalah kita hendak menyaksikan satu skim pencen yang menyeluruh cocok dengan zaman maklumat ini menjelang milenium baru. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, nampaknya masa suntuk dan saya hanya dapat membenarkan hanya seorang lagi. Jelebu.

5.36 ptg.

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan bagi meminda Akta Pencen (Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan) 1980.

Suka saya merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan di atas langkah ke arah meminda akta ini. Ini pada saya adalah merupakan satu senario baru dan satu hembusan semangat yang baru kepada kakitangan di pihak berkuasa berkanun, dan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin selama ini seluruh kakitangan di pihak-pihak berkenaan tertunggutunggu dan tidak mengerti bagaimanakah akhirnya kedudukan mereka di dalam perkhidmatan masing-masing, tetapi dengan adanya langkah kerajaan ini, kita berharaplah pihak kerajaan akan dapat mengambil tindakan yang pantas dan cepat untuk meletakkan kakitangan jabatan ini dalam keadaan yang lebih selesa dan memperlihatkan suatu jaminan di atas khidmat bakti mereka selama ini dikedua-dua perkhidmatan yang mereka lalui itu.

Saya kira ini merupakan satu cadangan yang amat baik kepada kakitangan di pihak-pihak berkenaan di mana caruman-caruman yang akan diwajibkan kepada mereka untuk dicarumkan di dalam KWSP ini walaupun mereka telah memasuki Skim Berpencen akan merupakan satu jaminan dan simpanan untuk mereka terus hidup dan berkhidmat kepada kerajaan dan kita akan memperlihatkan semangat untuk mereka bekerja akan dapat terus dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat semangat ingin bekerja di kalangan kakitangan di kedua-dua jabatan, di pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan ini tidak begitu mengghairahkan ataupun tidak menunjukkan semangat ingin bekerja dan setia kepada pekerjaan sebab itulah kita lihat masih banyak berlaku permasalahan perkhidmatan di pihak berkenaan di mana semangat ingin bekerja dan mematuhi peraturan-peraturan ataupun etika kerja di kalangan kakitangan ini begitu luntur dan terus berkurangan, walaupun penguatkuasaan telah dibuat oleh pihak pengurusan dan pentadbiran di jabatan berkenaan

tetapi masih gagal untuk meninggalkan kesan yang positif dalam konteks semangat ingin bekerja di kalangan kakitangan ini.

Apatah lagi dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru yang mencakupi keseluruhan perkhidmatan, makanya setengah-setengah kakitangan berpendapat bahawa skim ini amat membebankan dan mereka merasakan tidak berpuas hati, sebab itulah kita mencadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji semula skim SSB ini supaya akan dapat memberikan keadilan yang sebenar-benarnya kepada seluruh keringat dan titik peluh mereka yang telah dicurahkan kepada perkhidmatan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan adanya pindaan ke atas akta ini akan dapat menambahkan dan dapat mempertingkatkan lagi semangat ingin bekerja dan patuh kepada peraturan walaupun mereka telah memasuki Skim Berpencen, namun sumbangan ataupun caruman kepada KWSP ini akan dapat menambahkan lagi dan meniupkan lagi semangat rajin bekerja di kalangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pihak berkuasa tempatan begitu bersungguh-sungguh di dalam memperlihatkan kecekapan bertugas dan bekerja di kalangan kakitangannya walaupun terdapat di setengah-setengah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menunjukkan prestasi yang menurun dari tahun ke tahun.

Apa yang kita harapkan ialah dengan peruntukan kewangan yang seharusnya ....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yan bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sila sahabat saya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya ingin meminta sedikit penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Jelevu berkenaan dengan skim gaji ini. Kita dapati di majlis daerah saya sendiri boleh dikatakan banyak pekerjaannya hanya diambil sebagai pekerja sambilan, makna dia datang kerja ada gaji, bukan setakat gaji di peringkat buruh ini, malah di peringkat perkeranian. Kalau hari cuti pada hari Jumaat tidak ada gaji. Kalau cuti umum pun tidak ada gaji, kalau orang perempuan kalau dia bersalin pun, kalau 44 hari dia bercuti tidak ada gaji.

Jadi, saya berpendapat, ini pandangan sayalah, kalau kelulusan yang diambil itu sama seperti yang lain-lain, jadi, saya berpendapat, saya harap JPA ini dia kena lebih agresif sedikit. Adakah Ahli Yang

Berhormat bersetuju dengan saya JPA ini agak lembap. Kalau lembap ini kita kena polish sedikit, jadi, kita telah meluluskan bermacam-macam akta di Dewan Rakyat ini, tetapi akta hanya tinggal akta, kita hendak mengambil tindakan macam mana kalau kakitangan tidak cukup dan orang tidak puas hati dengan kerja dan tangga gaji dan sebagainya.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya pihak JPA mengkaji balik pada keseluruhannya keperluan tenaga kerja untuk kita membangunkan negara ini kerana telah banyak kita swastakan, sudah selamat banyak dah, syarikat itu diswasta, Telekom diswasta dan sebagainya diswastakan, jadi, yang tinggal saki bakinya tidak diswastakan ini perlu diperkemas lagi supaya setiap akta dan undang-undang yang kita luluskan ini dapat diimplementasikan dengan baik, macam yang kita kata sampah dan sarap dan sebagainya, bolehlah kita kata denda RM500 atau RM600 tetapi siapa yang hendak bawa pergi keluar saman itu hendak denda?

Jadi, pokoknya pada pandangan saya ialah di pihak JPA yang perlu bekerja keras lagi untuk memastikan kehendak kementerian lain dan jabatan tertentu dapat diisi dengan sebaik yang mungkin dengan gaji yang memuaskan. Macam mana pandangan Ahli Yang Berhormat dari Jelevu. Terima kasih.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Yan. Saya bersetuju dengan saranan dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Yan. Memanglah selama ini kita melihat dan selaku bekas kakitangan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak dapat menafikan bahawa kadang-kadang sikap JPA ini yang boleh kita anggap sebagai bapa di dalam perkhidmatan kita, kadang-kadang tidak begitu mengambil kira permasalahan yang berlaku di jabatan-jabatan.

Sering saya bercakap dan sering saya meluahkan perasaan dan rasa hati selaku bekas kakitangan kerajaan dan pernah mengepalai jabatan, memang kita menghadapi permasalahan. Dan sering kita mengisi borang-borang mengenai keperluan asas ataupun keperluan tenaga pekerja/kakitangan di jabatan dari tahun ke tahun, tetapi apa yang kita terima habis tahun macam itu juga kedudukannya, keperluan kita masih tidak diisi. Jadi, inilah yang berlaku di kebanyakan jabatan dan juga kementerian-kementerian.

Jadi, kita menyerulah dengan adanya kekuatan yang telah sedia ada di JPA ini, dengan kemampuan pegawai-pegawainya yang berpengalaman dan

berpendidikan, berkelulusan tinggi dan sebagainya harus pekalah, Tuan Yang di-Pertua.

Kita sering menyuarakan agar JPA harus peka, harus sensitif kepada permasalahan dan rintihan kakitangan ataupun jabatan-jabatan. Kita masih melihat lagi keperluan-keperluan ini tidak diisi bertahun-tahun. Contohnya pada minggu lepas kita membahaskan Akta BPR daripada 900 lebih kakitangan yang diperlukan tetapi diisi hanya 800. Jadi, bagaimana mungkin dapat kita mengimplementasikan dasar-dasar yang kita luluskan, yang telah kita bahaskan di dalam Dewan yang mulia ini?

Apakah JPA hanya tutup mata dan pekakkan telinga di dalam soal ini. Bagaimana mungkin kita dapat membela nasib masyarakat di perkampungan dan di desa-desa. Bagaimana mungkin dapat kita memperbetulkan masalah yang masih berlaku di dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yan bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sila.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Satu lagi saya minta tadi saya lupa hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Masalah dalam JPA ini, kadang-kadang mereka ini kira MCS officer sahaja, PTD sahaja. Kalau naik pangkat pun yang itu yang diusung naik dahulu, yang 'close service', hak yang diluar dari PTD ini tidak diberi kesempatan. Jadi, adakah keadilan pun tidak wujud di dalam JPA dari segi kadang-kadang dalam program hendak naik pangkat ataupun mewujudkan jawatan dalam jabatan-jabatan, dalam lembaga-lembaga kerajaan. Jadi, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa JPA ini kalau tidak betul kepalanya, ubah kepalanya bubuh kepala baru. Terima kasih.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Yan. Jadi, kita berharaplah JPA ini sensitif, hormat dengan orang politik. Yang mengepalai jabatan mereka pun orang politik, Pak Menteri bercakap kadang-kadang itu menyarankan sesuatu, kena respect! Selaku pegawai kerajaan sepatut mereka berfikir bahawa tidak ada politik, tidak ada kerajaan. Jadi, pokok pangkalnya jangan dipandang 'enteng' akan idea, pandangan, saranan ataupun cadangan orang-orang politik macam Bapak Menteri kita yang

bertanggungjawab kepada pemasalahan dan juga apa yang berlaku di kalangan penjawat perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan ada setengah-setengah berlaku keadaan yang sedemikian. PTD ini kita anggap sebagai Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di dalam kelas yang begitu eksklusif atau elit group. Saya selaku bekas pegawai PTD yang sudah tua tetapi PTD yang marhain kerana kita bukan di kalangan pegawai PTD yang masuk ke kelab-kelab eksklusif, mempunyai agenda-agenda yang tersendiri sebab kita berkhidmat di kawasan perkampungan. Jadi, layanan kepada kami yang duduk di kawasan-kawasan pedalaman berbeza daripada layanan kepada ketua-ketua jabatan dan juga golongan-golongan profesional di dalam perkhidmatan itu terutamanya di bandar-bandar.

Jadi, mungkin berlaku sesuatu yang kurang sihat di dalam perkhidmatan ini dan di dalam JPA itu sendiri di mana kadang-kadang sampai lima belas tahun, dua puluh tahun masih lagi duduk di JPA. Apakah mereka sayang untuk meninggalkan kedudukan selesa yang sedemikian - yang memberikan tempat dan kuasa kepada mereka tanpa mengambil kira permasalahan pegawai-pegawai lain yang ditempatkan di ceruk rantau, di pedalaman dan sebagainya?

Maka, peluang-peluang untuk keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran, untuk mendapatkan biasiswa di kalangan mereka sahaja, malah ramai lagi di antara pegawai-pegawai PTD yang lain yang ditempatkan di kawasan-kawasan pedalaman yang berkhidmat kepada rakyat secara terus tidak diberikan peluang - kenaikan gaji umpamanya dan ditambah pula dengan ketua jabatan yang kononnya lebih berpengaruh di kalangan pucuk pimpinan atau ketua di JPA itu sendiri yang seakan-akan mengongkong dan menyekat rezeki pegawai-pegawai yang telah lama berkhidmat kepada rakyat di peringkat negeri dan sebagainya.

Dengan adanya sistem SSB ini ramai yang malang, Tuan Yang di-Pertua sehinggakan pernah saya menyuarakan selaku pegawai yang bertanggungjawab menilai prestasi kakitangan. Kadang-kadang kita rasa serba salah untuk memberikan keputusan sama ada melintang ataupun menegak kepada kakitangan kita yang kita yakin dengan kebolehan beliau. Oleh kerana adanya peratusan 2% untuk melintang dan 3% untuk menegak, maka ramai di kalangan kakitangan kita - orang harapan di dalam jabatan kita yang menjadi mangsa perasaan....

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kuala Pilah bangun.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:**  
Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Jelebu. Berkenaan dengan Skim SSB ini telah banyak diperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini yang mana penilai ataupun pegawai-pegawai yang menilai itu kadangkala ataupun selalu melakukan diskriminasi ataupun sesuatu penilaian yang tidak begitu tepat. Apakah pandangan Yang Berhormat? Apakah caranya untuk menentukan pegawai-pegawai penilai ini juga diberi nilai dahulu supaya beliau ini betul-betul membuat satu penilaian yang cukup cekap dan adil kerana banyak perkara ini telah berlaku rungutan lebih-lebih lagi di dalam badan-badan berkanun yang mana jawatan mereka itu adalah secara 'close door' ataupun terhad dan ini kalau seorang 'director general'nya bersikap demikian - sebagai diktator akan melemahkan seluruh jentera. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Sejak dulu lagi saya menyatakan SSB perlu diroboh, perlu dikaji. Kita telah mengadakan satu persidangan, kalau tidak silap saya pada tahun 1994 mengenai dengan SSB ini yang rata-ratanya seluruh ketua jabatan ataupun anggota jawatankuasa pergerakan gaji jabatan telah bersetuju supaya format SSB ini diroboh tetapi saya tidak tahulah sekarang ini implementasinya bagaimana kerana itu adalah merupakan pandangan dan pendapat ketua-ketua jabatan ataupun di kalangan anggota jawatankuasa pergerakan gaji jabatan.

SSB ini yang selalu dimomok-momokkan sebagai 'Saya Sayang Bos', 'Susah Susah Berhenti', 'Suka Suka Buat' - ini merupakan satu ejekan dan juga bahan ketawa orang dan memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap tahun apabila SSB ini dinilai terdapat juga seorang pegawai yang mendapat dua kali cemerlang ataupun dua kali melintang ataupun dua kali menegak. Tahun 1993, umpamanya dia dapat menegak atau melintang dan tahun 1994 dia dapat menegak atau melintang juga - ini tidak dapat dinafikan. Bagaimana dengan nasib pegawai-pegawai yang lain?

Dan berapa banyak peruntukan kerajaan telah pun dibelanjakan untuk hadiahnya, cenderamatanya, setengah atau satu bulan gajinya, elaunnya dan

sebagainya? Mengapa tidak kita laksanakan sistem yang lama sama ada di aspek kenaikan gaji atau pangkat? Apabila cukup lima tahun dan sebagainya - layak dan dikira merit untuk kenaikan pangkat, kita beri kenaikan pangkat walaupun insentif sebagaimana SSB buat tidak ada pada waktu itu tetapi itu lebih menggembirakan seluruh kakitangan.

Jadi, bagaimana mungkin SSB ini dapat memberikan perkhidmatan yang baik, yang sama rata kepada seluruh anggota kerajaan yang lebih daripada ratusan ribu yang ada pada waktu ini (800,000 lebih). Sebab itulah kita lihat sekarang ini banyak di antara jabatan yang kakitangannya memilih untuk bersara apabila cukup empat puluh tahun dan mungkin ada yang lebih awal kerana bosan dengan sikap dan juga layanan skim yang ada.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sila.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Daripada perbincangan Yang Berhormat tadi ternyata sekali orang dapat menegak, melintang ini semuanya peratusan yang kecil sahaja dan bahagian yang besar, walaupun prestasi mereka baik ataupun mempunyai kecemerlangan tetapi tidak mendapat tempat untuk menjadi pegawai yang cemerlang dan sebagainya. Dan sebagai kesimpulan, saya juga mendapat tahu pernah satu jabatan yang mempunyai beberapa orang pegawai yang dahulunya mempunyai lima, enam pegawai yang mempunyai kecemerlangan perkhidmatan tetapi apabila diperkenalkan kepada perkhidmatan di bawah SSB ini, seorang sahaja yang boleh naik menegak dan melintang, jadi yang lain itu hilang dorongan dan hilang inisiatif untuk bekerja lebih keras lagi.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, adakah Yang Berhormat bersetuju yang SSB ini bukan sahaja tidak mendatangkan keadilan tetapi juga merendahkan moral pegawai-pegawai kerajaan tetapi juga mengurangkan produktiviti kepada jabatan-jabatan berkenaan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekarang kita kesuntukan masa, saya hanya dapat beri Yang Berhormat kalau boleh lima minit.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab permasalahan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat Batang Lupar. Satu bersetujulah sebab saya sendiri pernah mengalami keadaan itu walaupun saya sebagai penilai kedua bagi kakitangan saya, saya mungkin dapat, saya telah pernah dapat anugerah melintang tetapi bagaimana dengan keadaan pegawai kumpulan yang sama di pejabat yang lain dan ini menimbulkan masalah dan saya sendiri pernah menilai kakitangan saya yang keseluruhannya menunjukkan 'performance' yang baik, pendapatan jabatan bertambah dari tahun ke tahun oleh kerana adanya komitmen daripada pegawai-pegawai berkenaan - daripada RM10 juta meningkat kepada RM12 juta dan RM13 juta kutipan/hasil setahun di Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya. Bertambah! Jadi bagaimana mungkin kita mengatakan bahawa kakitangan kita tidak produktif tetapi oleh kerana dengan adanya sistem ini, maka terdapat beberapa kakitangan yang gagal mendapat melintang/menegak amat susah untuk kita suruh, arah dan sebagainya walaupun tertera di dalam senarai tugas mereka untuk melakukan sesuatu. Ini oleh kerana kesan SSB, jadi kita merasakan sama-sama bersubahat untuk merendahkan martabat ataupun 'performance' kakitangan kita sendiri sedangkan kita terikat dengan *[Disampuk]* - Sama Sama Bersubahat S.S.B. ada ditafsirkan begitu - kita terikat dengan peratusan - 2% untuk melintang, 3% untuk menegak walaupun kakitangan kita lebih daripada 3% yang layak untuk dipertimbangkan.

Jadi, terpulang kepada ketua jabatan bagaimana untuk dia memberikan keistimewaan ataupun peluang kepada kakitangan yang lain yang tidak menerima kedua-dua hadiah cemerlang itu. Mungkin dengan budi bicaranya untuk memberi pengiktirafan atau menggilir-gilirkan pegawai sempena Hai Kualiti Jabatan. Jadi, ini terpulang kepada sistem yang ada atau budi bicara ketua jabatan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menamatkan ataupun menyatakan sokongan saya untuk kali keduanya, saya ingin menyarankan supaya dengan adanya akta ini akan menjadi pemangkin kepada pencapaian dan juga .....

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:**  
*[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kuala Pilah bangun lagi.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Ingin minta penjelasan yang terakhir daripada Yang Berhormat dari Jelebu sebelum beliau menutup. Soalnya sekarang ini Yang Berhormat, banyak kali kita dengar kebelakangan ini badan-badan berkanun sungguhpun kerajaan bertujuan menggalakkan penswastaaan atau pengkorporatan, banyak juga permasalahan yang boleh berlaku dan adakah Yang Berhormat bersetuju setiap sesuatu penswastaaan itu hendak diwujudkan ataupun hendak diluluskan, di mana kepentingan seluruh pekerja dan kumpulan sasaran itu tidak menjadi mangsa dalam keghairahan pihak-pihak yang hendak menswastakan yang biasanya akan dimonopoli atau diambil oleh kumpulan-kumpulan gergasi?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya amat bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu melihat ada di antara kakitangan yang selama ini menunjukkan prestasi yang baik, jadi macam apa yang dilakukan oleh Telekom Malaysia yang dari masa ke semasa memberhentikan kakitangan. Saya diberitakan baru-baru ini masih ada lagi hendak diberhentikan - 8,000 orang hendak diberhentikan, secara terpaksa ataupun secara sukarela. Jadi, kita tidak mahu pihak swasta, yang telah mendapat keuntungan tetapi nasib pekerja-pekerja yang selama ini telah menunjukkan kesetiaan dan sebagainya ditamatkan begitu sahaja dan diberikan imbuhan yang tidaklah begitu wajar. Jadi, kita berharaplah dengan adanya proses-proses penswastaaan sedemikian yang akan datang juga mengambil kira nasib masa depan pekerja-pekerja ini dan keluarga-keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan satu perkara - apakah dengan akta pencen yang dirobah ini akan dapat memberikan jaminan kepada seluruh kakitangan akan dapat meneruskan perkhidmatan mereka walaupun telah masuk usia berpencen dan skim berpencen dan di samping itu memberikan caruman-caruman akan dapat diberikan potongan-potongan yang berpatutan. Mungkin mengikut peratusan dari masa ke semasa supaya caruman-caruman ini benar-benar dapat memberikan faedah dan jaminan untuk mereka di masa-masa akan datang mengikut keperluan semasa dan juga amaun gaji yang mereka perolehi.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharaplah dengan adanya pindaan ini, seluruh kakitangan di perkhidmatan yang berkenaan akan dapat melipatgandakan usaha dan rasa minat mereka untuk meneruskan perkhidmatan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ada dua minit lagi, kalau tidak silap saya, saya ingin menyarankan supaya pihak kerajaan akan mengambil kira kepada kakitangan-kakitangan yang terpaksa bersara walaupun belum masuk lagi usia ataupun had umur untuk berpencen, kurang daripada tiga bulan hendak pencen dan sebagainya, tetapi mereka ini terpaksa berhenti demi untuk kepentingan negara. Umpamanya kakitangan kerajaan yang telah diberikan kepercayaan oleh pucuk pimpinan negara atau parti bagi dipertandingkan duduk di dalam Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri supaya mereka ini dapat diambil kira dan diberikan hak sebagaimana orang lain yang boleh memilih untuk berpencen.

Macam saya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bekas pegawai PTD yang dahulunya PTA, depa kata PTA - 'Pegawai Takda Apa', naik pula pergi PTD - 'Pegawai Takda Duit'. [Ketawa] Memang 'takda apa' dan 'takda duit'. Jadi berhenti oleh kerana diberikan kepercayaan oleh pucuk pimpinan sebagai calon, bertanding di Parlimen Jelebu, terpaksa kita bertanding demi untuk kepentingan negara dan rakyat. [Tepuk] Alhamdulillah, menang, tetapi empat bulan baru cukup dan boleh layak untuk opsyen umur 40 tahun. Jadi, 'takda apalah' setakat hari ini walaupun menjadi Ahli Parlimen, tetapi Ahli Parlimen yang marhain, yang PPRT dan berhenti besok tidak dapatlah kita pencen sebagai Pegawai PTD. Jadi, saya merayulah, kalau boleh orang-orang yang macam saya ini dapat diambil kira [Ketawa] dan dipertimbangkan sewajarnya. Mungkin ini merupakan salah satu pemangkin ataupun secara insentif kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk berkecimpung di dalam politik selepas ini dan mungkin menawarkan diri untuk dipertandingkan sebagai calon dan sebagainya. Ini sebagai penggalak dan pendorong.

Dengan itu, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan untuk saya bercakap dan menyatakan sokongan bagi pihak rakyat jelata di negara ini. Sekian, terima kasih, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta jawab, Yang Berhormat Menteri.

6.03 ptg.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih saya merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan atas sokongan serta soalan-soalan dan pandangan-pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan rang undang-undang ini dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menjawab soalan-soalan yang berhubung khusus berkenaan dengan pencen yang telah disentuh oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Yang Berhormat dari Batang Lupar menyoalkan penghitungan ganjaran dan pencen yang menguntungkan pegawai berjawatan rendah berbanding dengan pegawai yang berjawatan tinggi. Tuan Yang di-Pertua, semua penghitungan ganjaran dan pencen adalah berasaskan tempoh perkhidmatan dan gaji terakhir. Pada umumnya, seseorang anggota berpangkat tinggi akan menerima ganjaran dan pencen yang lebih tinggi daripada seorang anggota yang rendah jawatannya sekiranya tempoh perkhidmatan kedua-duanya adalah serupa. Perbezaan yang ditimbulkan mungkin berlaku kerana tempoh perkhidmatan yang berbeza, tambahan pula formula ganjaran telah diperbaiki mulai 1 Januari 1995.

Yang Berhormat dari Batang Lupar juga menyoalkan pencen terbitan seumur hayat kepada anak-anak yang cacat. Tuan Yang di-Pertua, pencen terbitan memang dibayar seumur hidup kepada anak-anak tanggungan yang cacat tubuh atau akal walaupun anak itu termasuk anak angkat, telah melebihi umur 21 tahun di bawah undang-undang sekarang dengan syarat-syarat tertentu.

Beliau juga menyentuh berkenaan dengan pencen sepatutnya dibayar kepada balu yang berkahwin semula. Tuan Yang di-Pertua, pencen terbitan dibayar kepada balu atau duda sebagai sebahagian skim pencen keluarga. Apabila balu atau duda itu berkahwin semula, beliau menjadi ahli satu keluarga baru, bukan lagi keluarga si mati. Walaupun balu atau duda yang berkahwin semula berhenti menerima pencen terbitan, pencen itu terus dibayar kepada anak-anak si mati di bawah umur 21 tahun.

Yang Berhormat dari Batang Lupar juga menyentuh tentang pembayaran pencen di kawasan pedalaman, khasnya di negeri Sarawak.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan pencen kepada balu ataupun duda tadi, sebenarnya banyak cerita yang menyedihkan. Soalannya, berpindah daripada satu keluarga kepada satu keluarga yang lain itu adalah satu pertimbangan yang kecil, daripada pandangan saya. Tetapi pertimbangan yang asas dan besar ialah kadang-kadang oleh kerana mengelakkan daripada kehilangan pencen, si wanita yang sudah menjadi balu ataupun duda ini, dia rela duduk bersama ataupun tidur bersama dengan lelaki lain dan tidak berkahwin dengannya supaya pencen itu didapati dan tidak hendak pencen itu akan hilang.

Bahkan di kawasan luar bandar di negeri Sarawak, ada berlaku orang rela beranak dan pergi jumpa doktor supaya anak itu digugurkan, takut diketahui oleh pihak kerajaan yang dia telah melakukan kecurangan, tetapi dia diberi pencen oleh kerana tidur bersama dengan orang dapat anak yang di luar nikah, itu boleh dapat pencen. Yang kita hendak elakkan perkara yang begini, sampai mati pun ada, kerana dia tidak berani berjumpa dengan doktor, dia buang sendiri sahaja. Ini yang kita hendak elakkan.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian sama ada kerajaan dalam masa sekarang ataupun masa hadapan bersedia untuk menilai semula supaya mengelakkan perkara yang negatif ini daripada berlaku. Bukan soalan pindah keluarga, daripada satu keluarga kepada satu keluarga yang lain. Soalan morality di sebalik satu faktor yang kita buat.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, untuk masa sekarang prinsip yang digunakan oleh Bahagian Pencen ialah berkenaan dengan si isteri itu apabila beliau berkahwin baru dengan keluarga baru, ini bermakna bahawa beliau tidak ditanggung oleh pencen si mati. Jadi, kemungkinan besar bahawa pada masa akan datang prinsip ini akan ditukar dan dipindah kepada satu prinsip seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat. Tetapi bilangan yang menggunakan peluang ini, misalnya isteri si mati ini tinggal bersama dengan boy friend dia supaya menerima pencen terbitan, bilangan mereka hanya minority kalau dibandingkan daripada majority yang tinggal mengikut undang-undang. Jadi, itulah jawapan saya kepada perkara yang disentuh oleh beliau.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit bangun, Yang Berhormat.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa agaknya pencen terbitan ini tidak diberi kepada duda ataupun balu yang berkahwin baru kerana untuk menentukan keadilan kepada pihak isteri ataupun suami yang sudah meninggal dunia. Dia sudah meninggal dunia, selepas itu suami atau isterinya kahwin baru lain pula dan pencen daripada isteri yang mati ini digunakan pula untuk isteri ataupun suami yang baru ini. Terima kasih.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Saya setuju itu, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Berkenaan dengan masalah membayar pencen di kawasan pedalaman, khasnya di negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pencen Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO atau SOCSO) adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Bagi pembayaran pencen sektor awam di Sarawak, kita bayar secara waran bulanan yang sah lakunya tiga bulan, maka penerima boleh kumpul tiga waran untuk ditunaikan sekali setiap tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Lupa juga sentuh berkenaan dengan dalam contoh atau misalan (example) yang diberikan oleh beliau bahawa seorang pekerja telah berpencen (pensionable) selama 20 tahun dan 10 tahun dicarum kepada KWSP. Jadi beliau hendak tahu, reckon service ataupun berapa lama perkhidmatan beliau boleh dihitung untuk masa pencen. Jawapannya ialah dari tarikh beliau dilantik pensionable service hinggalah tarikh satu hari sebelum beliau mengambil opsyen di bawah rang undang-undang ini, jadi jawapannya ialah 20 tahun. Dan selepas mengambil opsyen di bawah rang undang-undang ini - akta ini nanti apabila diluluskan oleh Parlimen, maka jangka masa 10 tahun yang beliau mencarum kepada KWSP itu ialah untuk KWSP. Jadi pencen dia dihitung dari 20 tahun seperti dalam contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat dari Gelang Patah bertanggapan bahawa pindaan melalui rang undang-undang yang dicadangkan ini membolehkan seseorang anggota yang kini berada dalam skim KWSP membuat opsyen untuk memasuki skim pencen. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan menawarkan opsyen kepada seseorang dalam skim pencen untuk memilih skim KWSP berkuatkuasa mulai tarikh opsyen. Ianya tidak membolehkan seseorang yang kini berada di dalam skim KWSP

untuk memilih skim pencen. Jadi, tanggapan Yang Berhormat dari Gelang Patah dalam hal ini adalah tidak tepat.

Yang Berhormat dari Kepong bertanggapan opsyen melalui pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk seluruh perkhidmatan awam. Sebenarnya tanggapan Yang Berhormat ini adalah salah. Opsyen akan hanya ditawarkan kepada anggota-anggota dari badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan tertentu sahaja.

Yang Berhormat dari Kepong dan Jelebu berpendapat bahawa sistem pencen sekarang patut dikaji semula, begitu juga Sistem Saraan Baru. Tuan Yang di-Pertua, sistem-sistem pencen dan saraan sentiasa diperhatikan dengan teliti dan dikaji keberkesannya.....

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Minta saya habiskan ini, ya. ....demi memperbaiki sekiranya masanya tiba kelak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapat sedikit penjelasan berkenaan dengan Sistem Saraan Baru (SSB). Sebentar tadi rakan saya dari Jelebu dengan panjang lebar bercakap berkenaan dengan sistem ini. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, sama ada benar atau tidak sistem SSB ini diambil (adopted) daripada satu sistem yang dipanggil 'hays-system' dari Amerika dan saya juga difahamkan bahawa sistem ini telah ditolak oleh sebuah negara jiran kita kerana mungkin tidak sesuai. Jadi, kalaulah negara yang menolak ini adalah sebuah negara yang agak maju manakala kita menerima sistem ini dan mengalami masalah yang ada sekarang ini, jadi saya hendak tahu kenapakah sistem ini diterima di sini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan saya bahawa kita tidak mengambil 100% hays system yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Kita hanya membuat reference negara-negara yang mempunyai sistem-sistem saraan untuk kakitangan awam mereka. Jadi, tidak betul jikalau dianggapkan bahawa JPA menggunakan

100% hays system untuk SSB.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong memberi cadangan supaya umur persaraan atau retirement age dinaikkan ke 65 tahun. Sekiranya umur persaraan dinaikkan dari 55 tahun ke 65 tahun kos bayaran ganjaran dan pencen mungkin meningkat, oleh kerana tempoh perkhidmatan seseorang anggota yang berkenaan akan bertambah dari gaji terakhirnya lebih tinggi. Dengan sendirinya ganjaran dan pencen yang dihitung berasaskan kedua-dua variable ini akan bertambah, bukan menurun.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh secara menyeluruh hasrat di sebalik rang undang-undang yang telah dibahaskan. Rang undang-undang ini bertujuan memperseimbangkan kepentingan dua pihak, iaitu anggota badan berkanun yang akan diasingkan skim saraannya daripada Sistem Saraan Baru dan badan berkanun itu sendiri sebagai satu agensi kerajaan. Kepentingan anggota badan berkanun terpelihara dalam erti kata taraf berpencennya adalah dikekalkan walaupun beliau dibenarkan menikmati Skim Saraan Baru yang terdiri daripada gaji, imbuhan tetap serta kemudahan-kemudahan dalam perkhidmatan yang lebih lumayan daripada anggota-anggota lain di dalam sektor awam, di samping menyertai pencaruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mulai tarikh pengasingan.

Keterjaminan pekerjaan, dengan izin, security of tenure anggota-anggota itu adalah terpelihara, memandangkan mereka boleh berkhidmat sehingga umur wajib persaraan 55 tahun ataupun satu tarikh persaraan awal mengikut peruntukan undang-undang. Ketika bersara mereka akan dibayar faedah persaraan, iaitu ganjaran berpencen serta wang tunai sebagai gantian cuti rehat jika ada berlandaskan tempoh perkhidmatan sebelum pengasingan skim persaraan.

Selain daripada itu, sekiranya anggota tersebut ditimpa kemalangan semasa menikmati saraan pengasingan, beliau masih terlindung oleh peruntukan-peruntukan Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980. Secara khususnya jika kemalangan itu bukan akibat kecuaiannya sendiri dan menyebabkan persaraan awal, beliau layak ditimbangkan untuk dibayar Pencen Hilang Upaya sebagai tambahan kepada pencen perkhidmatan. Begitu juga kematian dalam perkhidmatan dalam keadaan yang sama memungkinkan pembayaran pencen tanggungan kepada ahli-ahli keluarga tanggungannya sebagai tambahan kepada Pencen Terbitan. Tambahan pula

perkahwinan semasa berkhidmat di bawah Skim Pengasingan Saraan disifatkan sebagai perkahwinan dalam perkhidmatan bagi maksud menentukan tempoh penerimaan Pencen Terbitan sepenuhnya oleh ahli-ahli keluarga tanggungan anggota yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada kepentingan kerajaan pula, adalah wajar kecemerlangan satu-satu badan berkanun itu dikekalkan, malah dipertingkatkan apabila skim persaraan anggotanya diperbaiki. Adalah amat penting dijaga dan diawasi kelicinan perjalanan agensi yang terlibat dalam urusan pengasingan skim saraan terutamanya dalam tempoh peralihan. Sebarang penghijrahan keluar anggota-anggota dari agensi tersebut dalam tempoh peralihan akan menggugatkan kemampuan agensi tersebut. Pertimbangan ini amat penting dalam kes universiti-universiti yang bertanggungjawab mendidik generasi muda yang akan menerajui masyarakat dan negara kelak.

Pindaan undang-undang yang dicadangkan mengekalkan kuasa mempesarakan seorang anggota itu, termasuk mempersetujui persaraan awal atas pilihan sendiri dalam tangan pihak pengurusan badan-badan berkanun yang berkenaan. Dengan itu, pengurusan satu-satu badan berkanun dapat mengatasi atau sekurang-kurangnya mengawal, dengan izin, brain drain yang mungkin berlaku dalam institusi tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal-Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANGUNDANG-UNDANG PEMBAHAGIAN (PINDAAN) 1997

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.23 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembahagian 1958 dibaca kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pembahagian harta pusaka seseorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat dibuat di bawah subseksyen 6(1) Akta Pembahagian 1958 (Akta 300). Mengikut Akta 300 apabila seseorang bukan Islam mati tanpa wasiat, maka harta pusaknya tidak dapat diwarisi oleh ibu atau bapanya sekiranya dia tidak meninggalkan zuriat. Mengikut Akta 300 juga jika orang yang mati tanpa wasiat itu ialah seorang perempuan bersuami, maka tidak kira sama ada dia meninggalkan zuriat atau tidak, ibu bapanya juga tidak dapat mewarisi hartanya. Semua harta pusaka perempuan bukan Islam bersuami yang mati tanpa wasiat akan terserah kepada suaminya yang masih hidup semasa kematiannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan bahawa pembahagian harta pusaka orang bukan Islam di Malaysia Barat yang mati tanpa wasiat dilakukan mengikut cara yang adil dan saksama, maka wajarlah Akta 300 dipinda supaya tidak wujud perbezaan antara seseorang bukan Islam lelaki dengan orang bukan Islam perempuan tentang waris yang berhak menerima harta pusaknya. Hak ibu atau bapa seseorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat untuk mewarisi harta pusaka anaknya wajarlah diperjelaskan. Oleh yang demikian, rang undang-undang yang dicadangkan ini mencadangkan pindaan kepada Seksyen 3, Akta Pembahagian 1958 dengan memasukkan takrif "ibu" atau "bapa" yang mengehendkan erti "ibu" atau "bapa" seseorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat kepada ibu atau bapa sebenar atau ibu atau bapa angkat yang sah bagi seseorang anak di bawah Akta Pengangkatan 1952.

Pembahagian baru harta pusaka seorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat dilakukan dengan mengambil pertimbangan kepentingan waris yang ditinggalkan, iaitu isteri atau suami, zuriat, ibu atau

bapa. Hanya pecahan bahagiannya sahaja yang akan berbeza. Ini diperuntukkan dalam perenggan 6(1)(a) hingga (i) yang juga dicadangkan melalui rang undang-undang ini. Mengikut rang undang-undang yang dicadangkan ini, jika seseorang bukan Islam mati tanpa wasiat dengan meninggalkan seorang suami atau isteri tetapi tanpa zuriat atau ibu atau bapa atau ibu dan bapa, semua harta pusaka itu diwarisi oleh suami atau isteri yang masih hidup semasa kematian orang yang mati tanpa wasiat itu. Dalam keadaan jika seorang bukan Islam mati tanpa wasiat dengan tidak meninggalkan zuriat, tetapi meninggalkan suami atau isteri dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, suami atau isteri yang menakat itu adalah berhak kepada setengah daripada harta pusaka itu dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa yang menakat adalah berhak kepada baki yang setengahnya lagi. Semua harta pusaka seseorang bukan Islam mati tanpa wasiat dan meninggalkan zuriat akan diwarisi oleh zuriatnya. Jika dia mati tanpa meninggalkan suami atau isteri atau ibu atau bapa atau ibu dan bapa, semua harta pusaka seorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat akan diwarisi oleh ibu atau bapa atau ibu dan bapa yang menakat jika orang yang mati tanpa wasiat itu tidak meninggalkan suami atau isteri dan zuriat. Jika seseorang bukan Islam mati tanpa wasiat dengan meninggalkan seseorang suami atau isteri dan zuriat, tetapi tidak meninggalkan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, maka suami atau isteri yang menakat itu adalah berhak kepada satu pertiga daripada harta pusaka itu dan zuriat berhak kepada baki yang dua pertiga lagi.

Harta pusaka seseorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat dengan meninggalkan zuriat dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa akan dibahagikan dua pertiga kepada zuriat yang menakat dan satu pertiga bakinya kepada ibu atau bapa atau ibu dan bapa yang menakat itu. Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga memperuntukkan keadaan jika seseorang bukan Islam mati tanpa wasiat dengan meninggalkan seorang suami atau isteri, zuriat dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, dalam keadaan yang sedemikian suami atau isteri itu adalah berhak kepada satu perempat daripada harta pusaka itu. Zuriat adalah berhak kepada setengah daripada harta pusaka itu dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa itu berhak kepada baki yang satu perempat lagi.

Mengikut pindaan kepada Akta 300 jika seseorang bukan Islam mati tanpa wasiat tidak meninggalkan suami atau isteri, zuriat dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, kesemua harta pusaka itu

hendaklah dipegang atas amanah bagi orang yang berikut yang hidup pada masa kematian orang yang mati tanpa wasiat itu, iaitu:

- (i) jika ada adik-beradik, harta pusaka itu diwarisi oleh adik-beradik;
- (ii) jika tiada adik-beradik, harta pusaka itu diwarisi oleh datuk atau nenek;
- (iii) jika tiada datuk atau nenek, harta pusaka itu diwarisi oleh ibu atau bapa saudara;
- (iv) jika tiada ibu atau bapa saudara, harta pusaka itu diwarisi oleh moyang; dan
- (v) jika tiada moyang, harta pusaka itu diwarisi oleh moyang saudara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan bahawa pindaan yang dicadangkan ini akan turut membantu ke arah mewujudkan satu masyarakat yang penyayang. Saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembahagian 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Lumut.

6.29 ptg.

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembahagian 1958.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini seluruh dunia bukan sahaja hak asasi wanita telah mengiktirafkan, tetapi peranan yang dimainkan oleh wanita dalam bidang institusi kekeluargaan bertambah penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, nampaknya masa sudah cukup untuk hari ini, boleh sambung esok.

**Dr. Yap Yit Thong:** Okay, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*